



LAPORAN TAHUNAN *2025*



كُؤِپَرَا سِمْلِين بَرِهَادْ
Koperasi Shamelin Berhad
(Bil. Pendaftaran 4624)



KSB/HEA/NOTIS/(MAPT KE-41) – JUN 2026

19 Jun 2026

Anggota Perwakilan /
Perwakilan Koperasi Anggota
Koperasi Shamelin Berhad

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

**NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-41
KOPERASI SHAMELIN BERHAD**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ("MAPT") ke-41 Koperasi Shamelin Berhad akan diadakan seperti ketetapan berikut:

- Tarikh/Masa : **4 Julai 2026 (Sabtu) / 9.30 pagi**
- Kaedah : **Atas Talian Zoom Meeting**
- Agenda : Seperti di **Lampiran 1**
- Aturcara : Seperti di **Lampiran 2**
- Pakaian : **Bebas dan sopan**
2. Dokumen-dokumen MAPT yang berkaitan mesyuarat boleh di muat turun dari pautan.
3. **Buku Laporan Tahunan TIDAK AKAN dibekalkan** dan YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan boleh memuat turun dari pautan yang disediakan.
4. **Pendaftaran anggota** akan dibuka secara dalam talian pada **4 Julai 2026 mulai jam 8.00 pagi hingga 9.30 pagi**. Semua anggota perwakilan dengan hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat MAPT Ke-41 Koperasi Shamelin Berhad.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Yang benar
KOPERASI SHAMELIN BERHAD


HAJAH AISHAH BINTI AHMAD NADZRI
Setiausaha

s.k : Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-41 KOPERASI SHAMELIN BERHAD

1. Perutusan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad.
2. Memilih salah seorang dari para perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.
3. Pengumuman Pengerusi Mesyuarat mengenai jumlah perwakilan yang hadir.
4. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat (4) orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-41 Koperasi Shamelin Berhad.
5. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-40 Koperasi Shamelin Berhad bertarikh 27 Jun 2025.
6. Memilih empat (4) orang anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 38 (1).
7. Menimbang laporan-laporan berikut:
 - i. Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya; dan
 - ii. Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
8. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit bagi tahun 2025 Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya berserta dengan laporan Juruaudit Luar.
9. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2026 dan 2027.
10. Membentangkan bayaran elaun-elaun berikut:
 - i. Mengekalkan bayaran elaun bulanan kepada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari Koperasi Shamelin Berhad dan Pengerusi bagi subsidiari-subsidiari yang aktif;
 - ii. Mengekalkan bayaran elaun kehadiran mesyuarat bagi anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman serta anggota-anggota yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah bagi subsidiari-subsidiari Koperasi Shamelin Berhad; dan
 - iii. Mengekalkan bayaran elaun kehadiran mesyuarat bagi Pengerusi Jawatankuasa, Anggota Lembaga dan Perwakilan yang dilantik menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa.
11. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya.
12. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya.
13. Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya.
14. Mendengar, menimbang atau memutuskan usul-usul bertulis atau urusan lain yang satu notis tidak kurang dari tujuh (7) hari telah dikemukakan oleh anggota termasuk perkara-perkara yang mana anggota terkilan dengan keputusan Lembaga.
15. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad, jika ada.
16. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan, jika ada.
17. Ucapan penangguhan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad.
18. Penangguhan Mesyuarat.

LAMPIRAN 2


ATURCARA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-41 KOPERASI SHAMELIN BERHAD

MASA	ACARA
4 JULAI 2026 (SABTU)	
8.00 pagi – 10.00 pagi	Pendaftaran anggota perwakilan. https://www.agmexpert.com/agm/logmasuk
9.00 pagi	Ucapan aluan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad - YBhg. Tuan Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said
9.30 pagi	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-41 dimulakan.
1.00 petang	Mesyuarat ditamatkan.

KANDUNGAN

Struktur dan Maklumat Kumpulan SHAMELIN	MUKA SURAT
Struktur Kumpulan SHAMELIN	1
Maklumat Kumpulan SHAMELIN	2
Perutusan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad	3 - 4
Prestasi Koperasi Shamelin Berhad dan Kumpulan	5 - 7
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-40 Koperasi Shamelin Berhad	8 - 36
Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad	
Anggota Lembaga & Mesyuarat Lembaga	37
Jawatankuasa-jawatankuasa	38 - 39
Pelaburan dan Hartanah	40
Anggota	41
Tabung Pendidikan	42
Tabung Kebajikan	43
Skim Khairat Kematian	44
Kursus dan Seminar	45-46
Carta Organisasi Pengurusan dan Pentadbiran Kumpulan Koperasi Shamelin Berhad	47
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Tahun 2025	48 - 51
Laporan Akaun Teraudit Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025	
Koperasi Shamelin Berhad	52 - 95
Gemar Kurnia Sdn. Bhd.	96 - 115
KSB Selenggara Sdn. Bhd.	116 - 140
KSB Hartanah Sdn Bhd.	141 - 159
Shamelin Bina Sdn Bhd.	160 - 178
Perbandingan Penyata Belanjawan 2025 dengan Penyata Teraudit 2025 Koperasi Shamelin Berhad	179 - 182
Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari bagi Tahun 2026 dan 2027	
Koperasi Shamelin Berhad	183 - 184
KSB Selenggara Sdn. Bhd.	185
Maklumat bagi Agenda 4, 6,10 hingga 13	186 - 191

STRUKTUR KUMPULAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD



MAKLUMAT KUMPULAN SHAMELIN

KOPERASI SHAMELIN BERHAD		
Lembaga Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said (<i>Pengerusi</i>) Hajah Aishah binti Ahmad Nadzri (<i>Setiausaha</i>) Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor (<i>Bendahari</i>) Datuk Haji Abu bin Pit Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan Hajah Jariah binti Hashim Haji Osman bin Toroh Encik Ahmad Sodiqin bin Zulfikri Haji Mohd Anuar bin Haji Ujang Dr. Ahmad Zahran bin Md Khudzari Ts. Haji Roslan bin Saad Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim Ketua Pegawai Eksekutif -	Pejabat Berdaftar 38-6-4 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur Tel : 03-92852155 Faks : 03-92855606 Bilangan Anggota 20,208 Modal Syer Anggota RM35,466,113	Bank RHB Islamic Bank Berhad Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd Public Islamic Bank Berhad CIMB Islamic Bank Berhad Al Rajhi Bank Berhad Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Peguam Tetuan Vasdev Bakshani & Associates Tetuan Shahdan Anuar & Jamaludin Tetuan Mansur & Yazrudin Tarikh Penubuhan 13 April 1971
GEMAR KURNIA SDN BHD		
Lembaga Pengarah Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842)	Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (MACS01931) Modal Berbayar RM 2.00 Tarikh Penubuhan 5 Januari 2011
KSB SELENGGARA SDN BHD		
Lembaga Pengarah Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Bank RHB Bank Berhad	Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (MACS01931) Modal Berbayar RM 10,000.00 Tarikh Penubuhan 29 September 1995
SHAMELIN BINA SDN BHD		
Lembaga Pengarah Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (MACS01931)	Modal Berbayar RM 1,000,000.00 Bank RHB Islamic Bank Berhad Tarikh Penubuhan 13 Oktober 1995
KSB HARTANAH SDN BHD		
Lembaga Pengarah Haji Ismail bin Muda Haji Kamarudin bin Md Noor Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Bank RHB Bank Berhad	Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (MACS01931) Modal Berbayar RM 20,002.00 Tarikh Penubuhan 26 November 1973

PERUTUSAN PENGKERUSI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para anggota SHAMELIN yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur dengan izin Allah SWT, SHAMELIN dapat terus mengharungi kesukaran demi untuk meneruskan aktiviti SHAMELIN. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 SHAMELIN telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM120,098.00 berbanding kerugian yang dialami dalam tahun 2024 sebanyak RM226,364.00.

Alhamdulillah dalam kesukaran tersebut Allah SWT memudahkan SHAMELIN di mana kesemua unit-unit kediaman milik SHAMELIN dan sebahagian besar unit-unit pejabat serta komersial telah dapat disewakan yang mana dengan penyewaan tersebut telah mendatangkan pendapatan kepada SHAMELIN. Selain itu perniagaan skim pembiayaan peribadi Shamelincash-i juga telah menunjukkan prestasi yang baik dan berpotensi besar untuk terus dikembangkan bagi menjana lebih pendapatan kepada SHAMELIN dalam jangka masa panjang.

Dengan perolehan tersebut SHAMELIN akan berusaha untuk melunaskan sebahagian tuntutan anggota serta meneruskan aktiviti yang dengan izin Allah SWT akan dapat dikongsi bersama anggota-anggota SHAMELIN yang setia, memahami dan begitu sabar serta sentiasa mendoakan kejayaan demi kejayaan untuk SHAMELIN. InsyaAllah.

PRESTASI KEWANGAN

Keuntungan sebelum cukai yang dicapai oleh SHAMELIN berakhir 31 Disember 2025 sebanyak RM0.120 juta itu adalah melalui perolehan pendapatan sebanyak RM5.575 juta setelah mengambil kira jumlah perbelanjaan sebanyak RM5.455 juta. Punca utama pendapatan adalah melalui perniagaan skim kemudahan kredit, penyewaan unit-unit bangunan pejabat, komersial dan kediaman di Taman Shamelin Perkasa serta yuran pengurusan subsidiari termasuk aktiviti pelaburan dan lain-lain pendapatan.

Bagi tahun 2025, Kumpulan Wang Anggota Koperasi menurun kepada RM65.586 juta berbanding RM65.777 juta pada tahun 2024 dan Kumpulan Wang Anggota Kumpulan juga menurun dari RM65.402 juta kepada RM65.125 juta.

Usaha-usaha yang berterusan akan dijalankan oleh SHAMELIN bagi meningkatkan lagi prestasi yang semakin baik ini dengan menggiatkan lagi perniagaan kemudahan kredit serta mempelbagaikan perniagaan yang dapat memberikan keuntungan dengan risiko yang rendah.

ANGGOTA DAN SYER

Bagi tahun 2025, jumlah modal syer anggota yang terkumpul berakhir 31 Disember 2025 dari seramai 20,208 orang ialah sebanyak RM35.466 juta. Jumlah ini termasuk syer bonus dan akaun simpanan khas anggota.

Pada tahun 2025, jumlah anggota yang telah memohon menarik diri dan meninggal dunia adalah seramai 92 orang yang melibatkan pemulangan jumlah syer sebanyak RM81,313.00. Manfaat khairat kematian sebanyak RM43,500.00 telah di bayar kepada 23 waris anggota yang telah meninggal dunia. Namun masih lagi terdapat bayaran tertunggak disebabkan kekangan kewangan bagaimanapun, SHAMELIN akan terus berusaha untuk melunaskan bayaran-bayaran tertunggak tersebut.

Untuk Tabung Pendidikan, sejumlah RM5,400.00 telah dibelanjakan untuk sumbangan pendidikan sepanjang tahun 2025. Daripada jumlah ini sebanyak RM1,500.00 disumbangkan kepada seramai 7 orang anak-anak anggota di bawah kategori hadiah cemerlang dalam peperiksaan SPM, SMA, STPM, STAM, Matrikulasi dan Program Asasi.

Di bawah kategori insentif pelajaran pula, sebanyak RM3,900.00 disumbangkan kepada seramai 8 orang anak-anak anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Manakala bagi Tabung Kebajikan sejumlah RM1,900.00 telah dibelanjakan kepada 7 orang anggota yang ditimpa musibah.

PROSPEK DAN CABARAN

Dalam menongkah arus masa kini serta cabaran masa akan datang sambil melihat kepada keadaan semasa ekonomi dan sosial negara ke belakang ini, kita seharusnya memanjatkan kesyukuran kerana SHAMELIN masih mampu berdiri.

Dalam menghadapi cabaran dan prospek masa akan datang, beberapa perancangan telah dibuat dengan mengambil kira pelan jangka masa pendek dan juga panjang.

SHAMELIN juga sentiasa memantau ke atas projek usahasama dengan syarikat, Irama Makmur Development Sdn Bhd yang membangunkan tanah milik SHAMELIN seluas 3.2 ekar di Kulim, Kedah dengan pembinaan 28 unit kedai yang bakal memberi pulangan sebanyak RM3.000 juta dalam tempoh 4 tahun. Kemajuan terkini telah mencapai 100% bagi kerja tanah mengikut pelan kerja tanah yang diluluskan. Tapak projek masih berada dalam menunggu pemampatan tanah sebelum kerja-kerja pembangunan dapat dimulakan. InsyaAllah sekiranya tiada masalah dalam tempoh dua (2) tahun iaitu bermula pada tahun 2027 bayaran pertama berjumlah RM500,000.00 akan diperolehi.

SHAMELIN juga telah menjadi penyedia perkhidmatan takaful melalui Takaful Ikhlas Sdn Bhd yang menawarkan pelbagai perlindungan takaful antaranya ialah takaful motor, takaful bangunan, takaful perniagaan dan takaful hayat.

Perkhidmatan takaful ini adalah sebahagian usaha SHAMELIN untuk melibatkan anggota dalam perniagaan yang dijalankan dengan hasrat untuk memberikan pulangan yang baik kepada anggota serta SHAMELIN dan seterusnya memperkasakan aktiviti kawasan.

SHAMELIN yakin, insyaAllah perniagaan skim pembiayaan peribadi Shamelin cash-i yang dijalankan ini mampu menjana pendapatan yang berterusan dalam jangka masa panjang memandangkan SHAMELIN telah berjaya memperolehi dana pembiayaan dari Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Co-opbank Pertama Malaysia Berhad untuk menjayakan perniagaan ini.

SHAMELIN juga telah menjalin kerjasama strategik dengan MyAngkasa Amanah Berhad yang menyediakan perkhidmatan penulisan wasiat kepada anggota Koperasi serta masyarakat di samping mewujudkan sumber pendapatan baharu kepada Koperasi melalui aktiviti pemasaran.


PENUTUP KATA

Adalah menjadi impian, supaya SHAMELIN akan terus kukuh dan berkembang, membolehkannya memainkan peranan yang bermakna ke arah kemajuan negara dan gerakan koperasi selain memberi pulangan kepada anggota-anggotanya.

Dengan kewujudan situasi persefahaman dan kerjasama yang baik dengan institusi-institusi kewangan yang dapat membantu dan menyokong kegiatan-kegiatan perniagaan yang sedang dijalankan itu dan disulami dengan budaya kerja tanpa sempadan daripada Lembaga dan kakitangan serta diiringi dengan doa, penglibatan serta sokongan para anggota ke atas produk-produk atau perniagaan-perniagaan yang dijalankan selain dari bentuk syer, tenaga dan buah fikiran, insyaAllah impian murni ini akan menjadi kenyataan.


Doa dan sokongan para anggota serta komitmen dan dedikasi Lembaga SHAMELIN dalam menjayakan matlamat SHAMELIN amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga turut dirakamkan kepada institusi-institusi kewangan, jabatan-jabatan kerajaan, kontraktor, pembekal dan individu-individu yang telah turut sama membantu dalam menjayakan SHAMELIN.

والسلام




IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID

PRESTASI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DARI PERSPEKTIF KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SERTA PENGELUARAN DIVIDEN DAN SYER BONUS DARI TAHUN 2016 HINGGA 2025



UNTUNG SEBELUM CUKAI (RM)



DIVIDEN DAN SYER BONUS (%)

PRESTASI KOPERASI SHAMELIN BERHAD (Dari perspektif lembaran imbalan bagi tahun 2016 hingga tahun 2025)

	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
MODAL SYER ANGGOTA	22,132,002	25,462,110	25,820,438	26,485,268	29,860,106	30,055,081	28,722,680	28,405,075	26,992,036	26,696,750
AKAUN RIZAB MODAL	18,351,560	18,369,688	16,999,069	15,082,392	10,882,591	10,891,901	10,894,364	10,894,876	10,895,116	10,895,116
AKAUN RIZAB PENILAIAN SEMULA	4,263,215	4,263,215	4,263,215	4,263,215	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238
AKAUN SIMPANAN KHAS - DIVIDEN	-	-	2,034,789	3,746,176	5,146,503	4,740,515	4,748,993	4,598,705	4,362,810	4,329,693
SYER BONUS	4,947,537	4,836,843	6,137,267	7,918,128	5,065,870	4,971,057	4,799,969	4,717,845	4,473,592	4,439,670
SYER BONUS DITEBUS	229,774	267,257	304,047	377,693	460,186	527,377	539,813	548,750	572,838	576,539
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	501,497	501,261	502,404	502,404	502,414	502,414	502,414	502,414	502,414	502,414
MODAL SYER DITEBUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER BONUS	820,209	782,633	745,899	672,253	589,760	522,569	510,133	501,195	477,107	473,406
YURAN ANGGOTA	143,985	159,212	172,813	177,666	165,277	179,987	170,154	220,547	319,587	393,980
LAIN-LAIN KUMPULAN WANG	436,110	1,684,766	1,766,206	1,883,766	1,806,841	964,603	1,024,375	602,022	576,672	525,832
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL	6,231,414	13,864,829	13,548,009	11,594,766	11,944,762	9,995,456	8,390,027	8,307,846	8,113,645	8,261,793
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA	58,057,303	70,191,814	72,294,156	72,703,727	74,915,548	71,842,198	68,794,160	67,790,513	65,777,055	65,586,431
KUMPULAN WANG RIZAB BERKANUN	20,910,854	22,863,977	23,767,443	24,449,667	24,482,576	24,482,576	24,482,576	24,482,576	24,482,576	24,502,659
SKIM GANJARAN BUKAN ANGGOTA	-	-	-	-	-	-	-	405,932	292,690	292,690
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	222,113	325,521	150,578	113,704	13,164	13,164	-	-	-	3,347
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	111,057	162,760	75,289	56,852	6,582	6,582	-	-	-	1,674
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA										
Terhutang kepada subsidiari	-	-	9,208	8,930	9,934	-	4,222	-	-	-
Pinjaman bercagar	12,517,847	9,575,844	7,817,918	7,663,686	7,240,986	7,301,329	7,161,717	17,346,084	21,767,549	23,180,809
Pemiatang sewa beli	180,933	121,425	78,567	35,709	-	-	-	-	-	-
Keuntungan pembiayaan akan diterima	4,545,077	3,798,566	3,136,459	2,477,968	1,958,007	2,085,174	2,340,930	6,518,891	8,897,462	10,046,875
TANGGUNGAN SEMASA										
Pinjaman bercagar	2,493,130	2,717,566	2,237,746	637,684	469,591	354,624	701,287	1,516,418	2,100,685	2,991,416
Pemiatang pemiagaan	1,676,309	878,786	876,826	880,136	975,836	942,025	1,040,696	1,675,227	1,640,446	1,819,123
Pelbagai pemiatang akruan dan pertaruhan	2,978,006	2,792,337	2,724,308	3,019,804	4,801,086	4,542,384	5,854,945	5,882,737	6,192,997	5,169,086
Pemiatang sewa beli	62,862	59,508	42,858	42,858	35,724	-	-	-	-	-
Peruntukan cukai	-	-	1,061,810	700,000	100,000	-	-	-	-	-
Peruntukan dividen	3,702,788	2,797,090	2,851,202	2,830,106	300,084	300,084	-	-	-	-
Akaun deposit Koperasi belum bayar	-	-	-	-	-	-	1,618,599	1,545,022	1,545,022	1,565,105
	10,913,095	9,245,287	9,794,750	8,110,588	6,682,321	6,139,117	9,215,527	10,619,404	11,479,150	11,544,730
	107,458,279	116,285,194	117,124,368	115,620,831	115,309,118	111,870,140	111,999,132	127,163,400	132,696,482	135,159,215
HARTA TETAP	68,364,449	75,298,823	74,667,471	73,633,448	94,366,416	93,133,814	91,627,732	90,572,043	89,511,196	86,955,234
PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	4	4	4	4	4	10,004	10,004	10,004	10,004	10,004
PELABURAN DALAM PROJEK	4,020,242	516,263	641,797	1,681,323	2,037,413	2,037,413	2,037,413	2,237,413	2,237,413	2,237,413
ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	1,070,507	5,605,899	6,765,002	4,071,644	2,707,821	1,527,184	1,559,574	1,215,790	795,021	815,023
LAIN-LAIN PELABURAN	3,949,055	3,727,762	3,209,685	3,210,257	3,210,257	3,210,257	3,211,158	3,211,827	3,137,595	3,138,699
PEMBIAYAAN ANGGOTA	14,592,525	11,933,052	9,677,202	7,647,051	5,985,336	5,885,589	5,963,549	14,661,690	18,675,198	20,607,975
KERJA DALAM PERAKSANAAN	3,884,492	3,488,499	11,372,869	17,795,400	-	-	-	-	-	-
AKAUN CARUMAN KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT	196,818	222,760	256,213	259,933	266,629	266,629	302,351	302,351	302,351	302,351
AKAUN DEPOSIT KOPERASI	-	-	-	-	-	-	1,618,599	1,618,599	1,618,599	1,638,682
	96,078,092	100,793,062	106,590,243	108,299,060	108,573,876	106,070,890	106,330,380	113,829,717	116,287,377	115,705,381
HARTA SEMASA										
Inventori	868	-	-	-	106,810	52,800	-	-	-	-
Terhutang oleh subsidiari	8,248	11,604	36,250	6,262	6,814	29,080	3	10,736	19,901	62,666
Penghutang Pemiagaan	4,002,672	8,078,632	3,260,401	11,238	117,473	-	-	-	-	-
Pembiayaan Anggota	2,779,524	2,272,962	1,843,276	1,456,581	1,140,064	1,121,065	1,135,914	2,792,703	3,557,181	3,925,328
Pelbagai penghutang dan Deposit	671,225	1,199,830	1,162,971	1,272,715	1,353,369	1,543,620	1,436,508	5,911,254	7,617,559	9,473,088
Cukai prabayar	1,500,000	2,200,000	2,489,375	3,181,433	2,707,038	1,571,731	1,851,021	2,066,155	2,270,155	2,474,155
Wang di tangan dan di bank	2,417,646	1,729,104	1,741,852	1,393,542	1,303,674	1,480,954	1,245,306	2,552,835	2,944,309	3,518,597
	11,380,187	15,492,132	10,534,125	7,321,771	6,735,242	5,799,250	5,668,752	13,333,683	16,409,105	19,453,834
	107,458,279	116,285,194	117,124,368	115,620,831	115,309,118	111,870,140	111,999,132	127,163,400	132,696,482	135,159,215
Keuntungan/ (kerugian) bagi tahun	11,068,475	15,619,111	7,494,279	5,640,514	612,934	(2,090,409)	(1,579,110)	(115,912)	(226,364)	120,098
Nilai pegangan syer	1:2.62	1:2.76	1:2.80	1:2.75	1:2.51	1:2.39	1:2.40	1:2.39	1:2.44	1:2.46

PRESTASI KUMPULAN SHAMELIN (Dari perspektif lembaran imbalan bagi tahun 2016 hingga tahun 2025)

	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
MODAL SYER ANGGOTA	22,132,002	25,462,110	25,820,438	26,485,268	29,860,106	30,055,081	28,722,680	28,405,075	26,992,036	26,696,750
AKAUN RIZAB MODAL	18,351,560	18,369,688	16,999,069	15,082,392	10,882,591	10,891,901	10,894,364	10,894,876	10,895,116	10,895,116
AKAUN RIZAB PENILAIAN SEMULA	4,263,215	4,263,215	4,263,215	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238	8,491,238
AKAUN SIMPANAN KHAS - DIVIDEN	-	-	2,034,789	3,746,176	5,146,503	4,740,515	4,748,993	4,598,705	4,362,810	4,329,693
SYER BONUS	4,947,537	4,836,843	6,137,267	7,918,128	5,065,870	4,971,057	4,799,969	4,717,845	4,473,592	4,439,670
SYER BONUS DITEBUS	229,774	267,257	304,047	377,693	460,186	527,377	539,813	548,750	572,838	576,539
MODAL SYER DITEBUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	501,497	501,261	502,404	502,404	502,414	502,414	502,414	502,414	502,414	502,414
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER BONUS	820,209	782,633	745,899	672,253	589,760	522,569	510,133	501,195	477,107	473,406
YURAN ANGGOTA	143,985	159,212	171,666	172,813	165,277	179,987	170,154	220,547	319,587	393,980
RIZAB ATAS PENYATUAN	355,314	355,314	355,314	355,314	355,314	-	-	-	-	-
LAIN-LAIN KUMPULAN WANG	601,752	1,950,239	2,095,206	2,233,653	2,217,431	1,434,451	1,509,728	1,066,397	904,886	800,535
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL	2,972,355	10,566,069	10,372,358	8,895,567	9,386,740	7,468,783	5,205,541	7,610,738	7,410,165	7,524,077
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA	55,319,200	67,513,841	69,802,819	70,709,729	73,123,430	69,785,373	66,095,027	67,557,780	65,401,789	65,123,418
KUMPULAN WANG RIZAB BERKANUN	20,910,854	22,863,977	23,767,443	24,449,667	24,482,576	24,482,576	24,482,576	24,482,576	24,482,576	24,502,659
SKIM GANJARAN BUKAN ANGGOTA	-	-	-	-	-	-	-	405,932	292,690	292,690
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	222,113	325,521	150,578	113,704	13,164	13,164	-	-	-	3,347
KUMPLAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	111,057	162,760	75,289	56,852	6,582	6,582	-	-	-	1,674
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA										
Pinjaman bercagar	12,517,847	9,575,844	7,817,918	7,663,686	7,240,986	7,301,329	7,161,717	17,346,084	21,767,549	23,180,809
Pemutangan sewa beli	191,548	121,425	78,567	35,709	-	-	-	-	-	-
Terhutang kepada syarikat berkaitan	3,247,109	2,090,721	2,066,222	2,102,470	1,996,514	2,309,792	2,940,494	483,956	483,956	483,956
Keuntungan pembiayaan akan diterima	4,545,077	3,798,566	3,136,459	2,477,968	1,958,007	2,085,174	2,340,930	6,518,891	8,897,462	10,046,875
TANGGUNGAN SEMASA										
Pinjaman jangka panjang	2,493,130	2,717,566	2,237,746	637,684	469,591	354,624	701,287	1,516,418	2,100,685	2,991,416
Pemutangan pembiayaan	2,356,390	1,562,851	1,550,229	1,467,589	1,563,082	1,505,818	1,604,489	2,239,020	2,204,239	2,382,916
Pelbagai pemutangan akruran dan pertaruhan	3,647,019	3,511,307	3,475,403	3,508,042	5,346,679	5,098,166	6,456,476	6,566,662	6,918,228	5,952,882
Pemutangan sewa beli	70,031	66,424	42,858	42,858	35,724	-	-	-	-	-
Peruntukan cukai	-	-	1,072,967	700,000	100,000	-	-	-	-	-
Dividen dicadangkan	3,702,788	2,797,090	2,851,202	2,830,106	300,084	300,084	-	-	-	-
Akaun deposit Koperasi belum bayar	-	-	-	-	-	-	1,618,599	1,545,022	1,545,022	1,565,105
	12,269,358	10,655,238	11,230,405	9,186,279	7,815,160	7,258,692	10,380,851	11,867,122	12,768,174	12,892,319
	109,334,163	117,107,893	118,125,700	116,796,064	116,636,419	113,242,682	113,401,595	128,662,341	134,094,196	136,527,747
HARTA TETAP	68,383,342	75,315,750	74,682,475	73,644,218	94,370,402	93,135,703	91,628,240	90,572,044	89,511,197	86,955,235
PELABURAN DALAM PROJEK	4,020,242	516,263	641,797	1,681,323	2,037,413	2,037,413	2,037,413	2,237,413	2,237,413	2,237,413
ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	1,070,507	5,605,899	6,765,002	4,071,644	2,707,821	1,527,184	1,559,574	1,215,790	795,021	815,023
KERJA DALAM PERAKSANAAN	3,884,492	3,488,499	11,372,869	17,795,400	-	-	-	-	-	-
AKAUN CARUMAN KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT	196,818	222,760	256,213	259,933	266,629	266,629	302,351	302,351	302,351	302,351
PEMBAYARAN ANGGOTA	14,592,525	11,933,052	9,677,202	7,647,051	5,985,336	5,885,589	5,963,549	14,661,690	18,675,198	20,607,975
MUHAJIR ATAS PENYATUAN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
LAIN-LAIN PELABURAN	3,949,056	3,727,762	3,209,685	3,210,257	3,210,257	3,210,257	3,211,158	3,211,827	3,137,595	3,138,699
AKAUN DEPOSIT KOPERASI	-	-	-	-	-	-	-	1,618,599	1,618,599	1,638,682
	96,096,982	100,809,985	106,605,243	108,309,826	108,577,858	106,062,775	106,320,884	113,819,714	116,277,374	115,695,378
HARTA SEMASA										
Pembiayaan Anggota	2,779,528	2,272,962	1,843,276	1,456,581	1,140,064	1,121,065	1,135,914	2,792,703	3,557,181	3,925,328
Penghutang perniagaan	4,117,069	8,226,656	3,419,035	149,886	280,662	247,068	152,708	180,077	247,565	217,928
Pelbagai penghutang, pertaruhan dan bayaran terdahulu	1,923,945	1,279,743	1,464,938	1,348,532	1,462,420	1,621,231	1,444,340	5,927,869	7,635,639	9,524,359
Pertaruhan tetap	118,086	322,893	584,848	739,688	860,048	875,641	975,999	864,253	770,524	785,690
Wang di tangan dan di bank	2,794,795	1,994,224	1,942,755	1,602,262	1,480,916	1,658,842	1,475,994	2,983,650	3,302,274	3,864,915
Inventori	868	-	-	-	106,810	52,800	-	-	-	-
Cukai Prabayar	1,502,890	2,201,430	2,489,605	3,189,289	2,724,641	1,603,260	1,895,756	2,094,075	2,303,639	2,514,149
	13,237,181	16,297,908	11,520,457	8,486,238	8,058,561	7,179,907	7,080,711	14,842,627	17,816,822	20,832,369
	109,334,163	117,107,893	118,125,700	116,796,064	116,636,419	113,242,682	113,401,595	128,662,341	134,094,196	136,527,747

MINIT MESYUARAT

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-40 KOPERASI SHAMELIN BERHAD PADA 27 JUN 2025 (JUMAAT) JAM 9.30 PAGI MELALUI APLIKASI ZOOM SECARA ATAS TALIAN

		NOMBOR ANGGOTA
Hadir	A. 12 daripada 12 orang Anggota Lembaga	
	1. Haji Ismail bin Muda (Pengerusi)	22281
	2. Hajah Aishah binti Ahmad Nadzri (Setiausaha)	25791
	3. Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said (Bendahari)	27549
	4. Datuk Haji Abu bin Pit	7430
	5. Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	255
	6. Haji Anuar Zaki bin Bakar	19022
	7. Hajah Jariah binti Hashim	25472
	8. Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor	5830
	9. Haji Osman bin Toroh	32356
	10. Haji Mohd Anuar bin Haji Ujang	23929
	11. Encik Ahmad Sodikin bin Zulfikri	44781
	12. Encik Mohamad Ropi bin Zakaria	32865
	B. 21 daripada 24 orang Koperasi Anggota (Senarai nama seperti di Lampiran 1)	
	C. 182 daripada 214 orang Anggota Perwakilan (Senarai nama seperti di Lampiran 2)	
	D. 32 Anggota Perwakilan dan 3 Koperasi Anggota yang Tidak Hadir (Senarai nama seperti di Lampiran 3)	
	E. Turut Hadir (Senarai nama seperti di Lampiran 3)	

AGENDA 1 : PERUTUSAN Pengerusi KOPERASI SHAMELIN BERHAD

- 1.1 **Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad ("SHAMELIN"), Haji Ismail bin Muda** mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ("MAPT") SHAMELIN Ke-40.
- 1.2 Beliau berdoa semoga SHAMELIN yang telah ditubuhkan sejak awal 70an lalu dapat terus dihidupkan dengan meremajakan SHAMELIN untuk diwarisi kepada cucu cicit anggota-anggota.
- 1.3 Beliau seterusnya memaklumkan pada tahun 2024 SHAMELIN mengalami peningkatan kerugian sebanyak RM226,364.00 berbanding tahun 2023 sebanyak RM115,912.00. Namun menurut beliau, kerugian ini insyaAllah akan dapat diatasi dengan penyewaan unit-unit milikan SHAMELIN serta lain-lain perniagaan. Beliau juga merakamkan rasa syukur di atas perolehan Sijil Penyiapan dan Pematuhan ("CCC") bagi projek perumahan di Meru, Klang.

Beliau juga memaklumkan pada tahun ini beliau tidak boleh bertanding selaras dengan penetapan Undang-Undang Kecil ("UUK") yang mana beliau perlu direhatkan selama setahun dan berharap Lembaga selepas ini akan terus komited bagi menjayakan SHAMELIN ke satu tahap yang boleh dibanggakan. InsyaAllah.

- 1.4 Seterusnya beliau berharap anggota dapat terus memberi sokongan dan kerjasama untuk terus menjayakan SHAMELIN seterusnya dapat memberi manfaat kepada anggota. Beliau juga berharap anggota-anggota dapat menyokong perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh SHAMELIN antaranya perniagaan kemudahan kredit, takaful dan lain-lain perniagaan. Beliau mengambil kesempatan ini memohon maaf sekiranya ada terkasar bahasa serta keterlaluan cara sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi SHAMELIN
- 1.5 Beliau juga berharap agar semua perwakilan dapat mematuhi etika mesyuarat supaya mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar.

AGENDA 2 : MEMILIH SALAH SEORANG DARIPADA PERWAKILAN YANG HADIR UNTUK MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT

- 2.1 **Pengerusi SHAMELIN, Haji Ismail bin Muda** memaklumkan bahawa **Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor** dicalonkan sebagai **Pengerusi Mesyuarat** seperti mana yang dipersetujui semasa **Perjumpaan Pengerusi dan Jurucakap Kawasan bersama Anggota Lembaga SHAMELIN**.
 - 2.1.1 Beliau seterusnya memohon daripada para perwakilan atas pencalonan tersebut untuk mencadangkan **Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor** sebagai Pengerusi Mesyuarat.
 - 2.1.2 **Perwakilan Kedah G, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim** mencadangkan Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor sebagai Pengerusi Mesyuarat. **Perwakilan Kelantan A, Haji Othman bin Haji Mohamed** menyokong cadangan tersebut.
- 2.2 **Pengerusi SHAMELIN** telah mengumumkan **anggota Lembaga, Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor** dipilih sebagai Pengerusi MAPT SHAMELIN Ke-40.

AGENDA 3 : PENGUMUMAN DATO' PENERUSI MESYUARAT MENGENAI JUMLAH PERWAKILAN YANG HADIR

- 3.1 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** merakamkan ucapan terima kasih di atas kepercayaan para perwakilan memilih beliau bagi mempengerusikan MAPT SHAMELIN Ke-40 dan berharap para jurucakap dapat menjaga adab ketika mengemukakan soalan, cadangan dan pandangan.
 - 3.1.1 Beliau seterusnya memaklumkan hanya Jurucakap Kawasan yang dipilih sahaja dibenarkan untuk mengemukakan soalan, cadangan dan pandangan.
 - 3.1.2 Seterusnya beliau berharap para perwakilan dapat memberikan kerjasama demi kelancaran perjalanan MAPT pada kali ini.

- 3.2 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan jumlah kehadiran perwakilan seramai **215** orang iaitu 86% daripada 250 orang jumlah penuh perwakilan dan jumlah ini melebihi kuorum. Pecahan kehadiran tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Anggota Lembaga seramai 12 daripada 12 orang.
 - (ii) Anggota Perwakilan seramai 182 daripada 214 orang.
 - (iii) Wakil Koperasi Anggota seramai 21 orang daripada 24 koperasi anggota.

AGENDA 4 : MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-40

- 4.1 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** meminta semua perwakilan merujuk pada muka surat 189, Maklumat bagi Agenda 4, 6,10 hingga 13.
- 4.2 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan empat (4) Anggota Lembaga yang menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT SHAMELIN Ke-40 seperti berikut :
- (i) Pengerusi SHAMELIN
 - (ii) Bendahari SHAMELIN
 - (iii) Haji Osman bin Toroh
 - (iv) Haji Mohd Anuar bin Haji Ujang
- 4.3 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** juga memaklumkan bahawa Setiausaha SHAMELIN turut dijemput hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT SHAMELIN Ke-40 untuk merekod minit mesyuarat tersebut.
- 4.4 Seterusnya **Dato' Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan enam belas (16) orang perwakilan yang akan bertanding bagi pemilihan enam (6) orang perwakilan untuk menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT SHAMELIN Ke-40. Bagaimanapun calon ke-4, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim telah mengumumkan menarik diri dari bertanding dalam pemilihan ini. Nama-nama calon adalah seperti berikut:

Calon Pertama	: Encik Ahmad Roslan bin Hashim (Perwakilan Pulau Pinang B)
Pencadang	: Haji Abdul Rahim bin Abdul (Perwakilan Pulau Pinang B)
Penyokong	: Encik Mohd Yusri bin Abdul Rahim (Perwakilan Pulau Pinang B)
Calon Kedua :	Encik Ahmad Bukhari bin Abdul Harith (Perwakilan Perak A)
Pencadang	: Encik Hasri bin Abdul Karim (Perwakilan Perak A)
Penyokong	: Puan Salmah binti Yusuf@Din (Perwakilan Perak A)

Calon Ketiga	: Haji Shalihuddin bin Abas (Perwakilan Johor A)
Pencadang	: Haji Ahmad Murad bin Haji Ami (Perwakilan Johor A)
Penyokong	: Hajah Bi binti Md Shah (Perwakilan Johor A)
Calon Keempat	: Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (Perwakilan Kedah G) (MENARIK DIRI)
Pencadang	: Puan Rasyikah binti Alias (Perwakilan Kedah G)
Penyokong	: Datin Hajah Che Zaharah binti Said (Perwakilan Kedah G)
Calon Kelima :	Encik Mohamad Ghadaffi bin Abdullah (Perwakilan Pulau Pinang A)
Pencadang	: Haji Nasri bin Segun (Perwakilan Pulau Pinang A)
Penyokong	: Datin Hajah Maimunah binti Abdul Rahman (Perwakilan Pulau Pinang A)
Calon Keenam	: Encik Hashim bin Omar (Perwakilan Kedah B)
Pencadang	: Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Jusoh (Perwakilan Kedah B)
Penyokong	: Haji Osman bin Toroh (Perwakilan Kedah B)
Calon Ketujuh	: Dr. Razianna binti Abdul Rahman (Perwakilan Wilayah Persekutuan)
Pencadang	: Hajah Zainab binti Haji Abu (Perwakilan Wilayah Persekutuan)
Penyokong	: Encik Hifzan bin Ahmad Hafni (Perwakilan Wilayah Persekutuan)
Calon Kelapan	: Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (Perwakilan Kedah C)
Pencadang	: Haji Che Mat bin Hussein (Perwakilan Kedah C)
Penyokong	: Ts. Haji Roslan bin Saad (Perwakilan Kedah C)
Calon Kesembilan	: Encik Mohd Noor bin Omar (Perwakilan Terengganu)
Pencadang	: Haji Mohamad Yusof bin Deraman (Perwakilan Terengganu)
Penyokong	: Encik Azwan Azizi bin Alias (Perwakilan Terengganu)

Calon Kesepuluh	: Encik Md Noh bin Rahidin (Perwakilan Melaka)
Pencadang	: Encik Azham bin Datuk Haji Abu (Perwakilan Melaka)
Penyokong	: Datuk Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali (Perwakilan Melaka)
Calon Kesebelas	: Encik Mohamad Ropi bin Zakaria (Perwakilan Kelantan A)
Pencadang	: YM. Raja Ali bin Raja Hassan (Perwakilan Kelantan A)
Penyokong	: Puan Fauziahton binti Mohammad (Perwakilan Kelantan A)
Calon Kedua Belas	: Encik Ahmad Faisol bin Abdul Halim (Perwakilan Kedah E)
Pencadang	: Encik Ismail bin Haji Ahmad (Perwakilan Kedah E)
Penyokong	: Encik Shahfini bin Omar (Perwakilan Kedah E)
Calon Ketiga Belas	: Encik Mohamed Suliman bin Dain (Perwakilan Selangor B)
Pencadang	: Haji Izhar bin Abd Kahar (Perwakilan Selangor B)
Penyokong	: Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said (Perwakilan Selangor B)
Calon Keempat Belas	: Encik Amir Hamzah bin Zakaria (Perwakilan Kedah D)
Pencadang	: Haji Mehat bin Ismail (Perwakilan Kedah D)
Penyokong	: Hajah Siti Saliha binti Haji Hassan (Perwakilan Kedah D)
Calon Kelima Belas	: Encik Awang Muhamad @ Karim (Perwakilan Sabah)
Pencadang	: Encik Awang Amat bin Awang Taip (Perwakilan Sabah)
Penyokong	: Puan Juana binti Mikat (Perwakilan Sabah)
Calon Keenam Belas	: Encik Muhammad Asyraf bin Abd Mutalib (Perwakilan Perlis)
Pencadang	: Haji Anuar Zaki bin Bakar (Perwakilan Perlis)
Penyokong	: Encik Azrul bin Abdul Rahim (Perwakilan Perlis)

- 4.5 Setelah undian dibuat **Dato' Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan keputusan ke atas calon-calon seperti berikut:

Nama Calon	Jumlah Undi
i) Encik Mohamad Ghadaffi bin Abdullah (Perwakilan Pulau Pinang A)	87
ii) Dr. Razianna binti Abdul Rahman (Perwakilan Wilayah Persekutuan)	85
iii) Encik Ahmad Bukhari bin Abdul Harith (Perwakilan Perak A)	75
iv) Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (Perwakilan Kedah C)	69
v) Encik Amir Hamzah bin Zakaria (Perwakilan Kedah D)	65
vi) Haji Shalihuddin bin Abas (Perwakilan Johor A)	44
vii) Encik Muhammad Asyraf bin Abd Mutalib (Perwakilan Perlis)	42
viii) Encik Ahmad Roslan bin Hashim (Perwakilan Pulau Pinang B)	32
ix) Encik Ahmad Faisol bin Abdul Halim (Perwakilan Kedah E)	30
x) Encik Hashim bin Omar (Perwakilan Kedah B)	29
xi) Encik Mohd Noor bin Omar (Perwakilan Terengganu)	26
xii) Encik Mohamed Suliman bin Dain (Perwakilan Selangor B)	20
xiii) Encik Mohamad Ropi bin Zakaria (Perwakilan Kelantan A)	20
xiv) Encik Md Noh bin Rahidin (Perwakilan Melaka)	19
xv) Encik Awang Muhamad @ Karim (Perwakilan Sabah)	13

- 4.6 Dengan keputusan tersebut, **Dato' Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan enam (6) orang perwakilan yang mendapat undian terbanyak yang akan menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT SHAMELIN Ke-40 seperti berikut:

- i) **Encik Mohamad Ghadaffi bin Abdullah**
(Perwakilan Pulau Pinang A)
- ii) **Dr. Razianna binti Abdul Rahman**
(Perwakilan Wilayah Persekutuan)
- iii) **Encik Ahmad Bukhari bin Abdul Harith**
(Perwakilan Perak A)
- iv) **Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman**
(Perwakilan Kedah C)
- v) **Encik Amir Hamzah bin Zakaria**
(Perwakilan Kedah D)
- vi) **Haji Shalihuddin bin Abas**
(Perwakilan Johor A)

AGENDA 5 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-39 BERTARIKH 29 JUN 2024

- 5.1 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** menjemput **Setiausaha SHAMELIN** membentangkan Minit MAPT SHAMELIN Ke-39 untuk disahkan.
- 5.2 **Setiausaha SHAMELIN** membentangkan Minit MAPT SHAMELIN Ke-39 sebagaimana yang terdapat dalam pautan muat turun Laporan Tahunan SHAMELIN 2024 dari muka surat 9 hingga 36 untuk disahkan oleh MAPT SHAMELIN Ke-40 ini.
- 5.3 **Perwakilan Selangor A, Haji Sahri bin Siwir** mencadangkan Minit MAPT SHAMELIN Ke-39 diterima untuk disahkan dan disokong oleh **Encik A Ghani bin Mohamad wakil Koperasi Anggota, Koperasi Parit Jawa Muar Berhad.**

Keputusan: mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 6 : MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 38 (1)

- 6.1 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan nama empat (4) orang Anggota Lembaga berikut menurut UUK 38(1) yang akan mengosongkan jawatan.

- i) Haji Ismail bin Muda
- ii) Haji Anuar Zaki bin Bakar
- iii) Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said
- iv) Encik Mohamad Ropi bin Zakaria

Hanya dua (2) orang Anggota Lembaga berikut sahaja yang boleh dipilih semula iaitu:

- i) Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said
- ii) Encik Mohamad Ropi bin Zakaria

- 6.2 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** seterusnya mengumumkan enam (6) orang calon yang akan bertanding bagi mengisi empat (4) kekosongan jawatan Anggota Lembaga seperti berikut:

- i) **Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said**
(Anggota Lembaga)
- ii) **Encik Mohamad Ropi bin Zakaria**
(Anggota Lembaga)
- iii) **Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim**
(Perwakilan Kedah G)
- iv) **Ts. Haji Roslan bin Saad**
(Perwakilan Kedah C)
- v) **Encik Omar Bakri bin Saad**
(Perwakilan Kedah E)
- vii) **Dr. Ahmad Zahran bin Md Khudzari**
(Perwakilan Johor B)

- 6.3 **Dato' Pengerusi Mesyuarat** telah mengumumkan keputusan undian ke atas calon-calon tersebut yang mana telah dikira dan disahkan oleh wakil Juruaudit Luar, Tetuan Abdul Raji & Co. seperti berikut:

Nama Calon	Jumlah Undi
i) Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said	139
ii) Dr. Ahmad Zahran bin Md Khudzari	126
iii) Ts. Haji Roslan bin Saad	108
iv) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	89
v) Encik Mohamad Ropi bin Zakaria	77
vi) Encik Omar Bakri bin Saad	64

- 6.4 Dengan keputusan tersebut, **Dato' Pengerusi Mesyuarat** telah mengisytiharkan perwakilan yang berjaya dipilih untuk mengisi empat (4) kekosongan jawatan Anggota Lembaga menurut UUK 38(1) adalah seperti berikut:

1. Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said
2. Dr. Ahmad Zahran bin Md Khudzari
3. Ts. Haji Roslan bin Saad
4. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim

AGENDA 7 : MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN BERIKUT:

- LAPORAN LEMBAGA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA; DAN**
- LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN ("JAD")**

- 7.1 **Setiausaha SHAMELIN** membentangkan Laporan Lembaga SHAMELIN dan subsidiari-subsidiarinya sebagaimana yang terdapat dalam Laporan Tahunan SHAMELIN 2024, muka surat 37 hingga 47 dan Laporan JAD muka surat 48 hingga 51.
- 7.2 **Perwakilan Kedah G, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim** mencadangkan supaya perkara-perkara yang telah dibincang dalam Program Perjumpaan Pengerusi dan Jurucakap Kawasan pada 20 Jun 2025 dibahaskan untuk diluluskan dalam MAPT SHAMELIN Ke-40.
- 7.3 **Perwakilan Selangor B, Haji Izhar bin Abd Kahar** menyarankan agar mesyuarat tidak dilakukan tergesa-gesa dan memberi peluang kepada perwakilan yang lain untuk menyuarakan pandangan. Beliau juga ingin mendapatkan penjelasan, sama ada penghantaran Laporan Tahunan 2024 dalam tempoh yang singkat mematuhi Akta Koperasi dan UUK SHAMELIN untuk memastikan sama ada mesyuarat ini sah atau sebaliknya.
- 7.4 **Setiausaha SHAMELIN** menyatakan tidak menjadi satu kesalahan sekiranya laporan tahunan tersebut dihantar tidak mengikut tempoh penghantaran notis yang ditetapkan. Ianya tidak melanggar Akta Koperasi dan SHAMELIN tidak boleh didenda kerana penghantaran lewat Laporan Tahunan tersebut. Namun SKM menasihatkan supaya SHAMELIN perlu lebih teliti dan berhati-hati pada masa hadapan bagi menambah baik pengelolaan perjalanan MAPT SHAMELIN.

- 7.5 **Perwakilan Perlis, Haji Abdul Rahim bin Hashim** mencadangkan Agenda 7 diterima dan disokong oleh **Perwakilan Selangor A, Haji Sahri bin Siwir**.

Keputusan: mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 8 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT BAGI TAHUN 2024 KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BERSERTA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT LUAR, CADANGAN PEMBAYARAN DIVIDEN, PENGISYTIHARAN SYER BONUS DAN PEMBERIAN HONORARIUM KEPADA LEMBAGA

- 8.1 **Bendahari SHAMELIN** membentangkan Akaun-akaun Teraudit bagi Tahun 2024 SHAMELIN serta subsidiari-subsidiarinya berserta Laporan Juruaudit Luar, Cadangan Pembayaran Dividen, Pengisytiharan Syer Bonus dan Pemberian Honorarium kepada Lembaga sebagaimana yang terdapat dalam Laporan Kewangan 2024 dan Belanjawan 2025/2026, dari muka surat 52 hingga 180 untuk dipertimbang dan diluluskan.
- 8.2 **Perwakilan Kedah E, Encik Omar Bakri bin Saad** memohon supaya peruntukan honorarium Lembaga dan bonus kakitangan dikeluarkan daripada belanjawan SHAMELIN memandangkan SHAMELIN mengalami kerugian.
- 8.3 **Bendahari SHAMELIN** menjelaskan bahawa honorarium Lembaga dan bonus kakitangan perlu dibentangkan sebagai peruntukan belanjawan SHAMELIN dan boleh dipinda mengikut prestasi semasa kewangan SHAMELIN.
- 8.4 **Perwakilan Selangor B, Haji Izhar bin Abd Kahar** telah menawarkan khidmat sebagai panel perunding kepada SHAMELIN dan memohon anggota Lembaga SHAMELIN untuk menimbang dan memutuskan tawaran khidmat tersebut.
- 8.5 **Pengerusi SHAMELIN** mengucapkan terima kasih di atas tawaran khidmat khidmat kepada SHAMELIN.
- 8.6 **Perwakilan Kedah G, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim** berharap semua cadangan beliau yang dibentangkan semasa Program Perjumpaan Pengerusi dan Jurucakap bersama anggota Lembaga lalu dibentangkan di Mesyuarat Lembaga yang akan diadakan nanti untuk tindakan selanjutnya.
- 8.7 **Pengerusi SHAMELIN** mengucapkan terima kasih dan akan ambil tindakan atas saranan tersebut.
- 8.8 **Perwakilan Pahang B, Encik Ab Ghani bin Mustaffa** menyatakan bahawa SHAMELIN harus mematuhi penetapan tempoh penghantaran notis Mesyuarat Agung oleh SKM. Seterusnya beliau mencadangkan Bendahari SHAMELIN hendaklah diberi penjelasan dan penerangan oleh pengurusan bagi melancarkan pembentangan akaun SHAMELIN semasa MAPT. Seterusnya beliau mencadangkan supaya SHAMELIN menutup subsidiari-subsidiari yang tidak memberi keuntungan.
- 8.9 **Bendahari SHAMELIN** mengambil maklum ke atas peringatan pematuhan tempoh notis Mesyuarat Agung dan persediaan pembentangan akaun SHAMELIN. Beliau seterusnya memaklumkan SHAMELIN telah menutup tiga subsidiari pada tahun 2019 iaitu Kimali Construction Sdn Bhd, Syarikat Samudera Emas Sdn Bhd dan Shamelin Building Materials Sdn Bhd.

- 8.10 **Perwakilan Kedah E, Encik Omar Bakri bin Saad** mencadangkan Agenda ini diterima dan diluluskan seterusnya **wakil Koperasi Anggota, Koperasi Parit Jawa Muar Berhad, Encik A Ghani bin Mohamad** menyokong cadangan tersebut.

Keputusan: mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 9 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2025 DAN 2026

- 9.1 **Bendahari SHAMELIN** membentangkan Belanjawan SHAMELIN dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2025 dan 2026 sebagaimana yang terdapat dalam Laporan Kewangan 2024 dan Belanjawan 2025/2026 dari muka surat 181 hingga 184 untuk ditimbang dan diluluskan.
- 9.2 **Perwakilan Kedah Selangor A, Haji Sahri bin Siwir** mencadangkan Agenda ini diterima dan diluluskan seterusnya **Perwakilan Perak B, Encik Mohamed A'Amir bin Haji Shair Mohd** menyokong cadangan tersebut.

Keputusan: mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 10 : MEMBENTANGKAN BAYARAN ELAUN-ELAUN BERIKUT :

- I. **MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN BULANAN KEPADA PENERUSI, SETIAUSAHA, BENDAHARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN PENERUSI BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI YANG AKTIF;**
 - II. **MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA YANG DILANTIK SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD; DAN**
 - III. **MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI PENERUSI JAWATANKUASA, ANGGOTA LEMBAGA DAN PERWAKILAN YANG DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATANKUASA-JAWATANKUASA**
- 10.1 **Bendahari SHAMELIN** membentangkan cadangan mengekalkan kadar elaun-elaun di muka surat 190 seperti dalam pautan muat turun Maklumat bagi Agenda 4, 6, 10 hingga 13 sepertimana yang telah diluluskan di MAPT SHAMELIN Ke-39 pada 29 Jun 2024 yang lalu.
- 10.2 **Perwakilan Kedah E, Encik Omar Bakri bin Saad** mencadangkan peruntukan sebanyak RM1,000.00 atau RM2,000.00 kepada setiap kawasan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kawasan.
- 10.3 **Bendahari SHAMELIN** menjelaskan bahawa peruntukan bagi setiap kawasan sebagaimana yang dicadangkan diambil maklum.
- 10.4 **Perwakilan Kedah F, Encik Mohd Firdaus bin Abas** ingin mendapatkan kepastian ke atas tuntutan khairat kematian anggota kawasan beliau sejak tahun 2024 yang masih belum dibayar.
- 10.5 **Bendahari SHAMELIN** menjelaskan tuntutan-tuntutan anggota diambil maklum dan bayaran akan dibuat tertakluk kepada kedudukan kewangan SHAMELIN.

KSB telah menerima pembayaran sebanyak RM5.35 juta daripada pihak pemaju dengan baki lebih daripada RM2.23 juta tidak termasuk keuntungan dijanji oleh pemaju adalah sebanyak RM4.0 juta.

Pihak ALK dan pengurusan disaran untuk sentiasa berhubung dengan pemaju untuk status terkini penjualan lot rumah tersebut dan juga untuk mendapatkan kembali jumlah yang tertunggak tersebut.

Projek Pembinaan Bangunan Perniagaan di Kulim, Kedah

Tanah yang telah dibeli dengan harga RM2.1 juta pada tahun 2010 tersebut telah dimajukan melalui surat perjanjian usahasama yang ditandatangani pada 20/04/2023 dengan tetuan Irama Makmur Development Sdn Bhd. Hasil pulangan projek sebanyak RM3.0 juta akan dibayar secara berperingkat mulai tahun 2027 hingga 2029.

Mohon pihak KSB untuk berbincang dengan pemaju agar nama KSB diletakkan sebahagian dari nama kompleks tersebut seperti "Kompleks Shamelin Makmur" yang diambil nama pemaju Irama Makmur dan Koperasi Shamelin. Sekurang-kurangnya ada identiti KSB di projek tersebut.

Projek Air Minuman Shamelin

Dalam MAPT yang lepas, perwakilan telah meluluskan sebanyak RM25,000 untuk menjalankan projek pemasaran air minuman jenama Shamelin.

Pihak JAD berpendapat, projek tersebut tidak patut diteruskan kerana tidak berdaya maju. Dalam kertaskerja menyatakan kos untuk 1 dozen (difaham 12 botol) air minuman 320ml yang telah dikategorikan oleh KKM bertudung putih adalah RM8.00 manakala harga jualan sebanyak RM13.00 berbanding dipasaran luar, air minuman jenis seamaster 500ml bertudung putih boleh didapati dengan harga RM8.50 sahaja untuk satu karton 24 botol.

Projek Pelaburan Maser (M) Sdn Bhd

Jumlah pelaburan sebanyak RM5.0 juta sejak tahun 2015 dengan anggaran keuntungan sebanyak RM1,725,000.00 bersamaan 11.5% untuk tempoh 3 tahun. Bayaran yang diterima tidak konsisen serta tidak mengikut jadual. Bayaran untuk prinsipal yang telah diterima adalah sebanyak RM2,246,830.64 dengan baki sebanyak RM2,753,169.36 manakala keuntungan yang telah diterima adalah sebanyak RM751,857.97 dengan berbaki sebanyak RM973,142.03. Tarikh terakhir bayaran diterima adalah pada 07hb. Jun, 2018. Jumlah keseluruhan yang telah diterima adalah sebanyak RM2,998,688.61 sahaja berbanding RM6,725,000.00.

Tanah Kuala Ketil (Lot 7517 Mukim Bandar Kuala Ketil)

Tanah seluas 4.01 ekar yang diperolehi pada tahun 2019 dengan harga RM495,000.00 adalah merupakan tanah lembah ladang kelapa sawit tua yang sudah tiada hasil. Semakan mendapati dokumentasi proses pembelian tanah disimpan dengan baik dan teratur. Namun begitu, hasil carian menggunakan Chatgpt menunjukkan harga semasa tanah dikawasan tersebut adalah sekitar RM180,000-RM260,000 untuk keseluruhan 4 ekar.

Kesimpulan Dan Pandangan JAD

1. Setiap projek yang melibatkan kepentingan KSB mestilah disertakan dengan aturan dan mendapat kelulusan dalam MAPT.
2. Sebelum cadangan dibawa kepada MAPT, setiap projek perlu disemak dan disokong oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko terlebih dahulu.
3. Memberi perhatian kepada tunggakan-tunggakan tuntutan daripada anggota-anggota KSB.
4. Mengambil perhatian yang serius terhadap projek-projek yang rugi akibat dari kelalaian dan kelemahan dalam membuat keputusan.

Penyata Kewangan Teraudit 2025

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan KSB yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2025 dan Penyata Pendapatan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

Pada pendapat kami, Penyata Kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian yang memberikan gambaran tepat, jelas dan sebenar mengenai kedudukan kewangan KSB bagi tahun semasa.

Prestasi kewangan KSB agak membaik berbanding dengan tahun kewangan 2024 yang menunjukan keuntungan sebanyak RM120,098.00 berbanding dengan kerugian sebanyak RM226,364.00 pada tahun kewangan 2024.

Jumlah keuntungan terkumpul KSB pada 31hb. Disember, 2025 adalah sebanyak RM8,261,793.00.

Penghargaan Dan Terima Kasih

Kami merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

Laporan ini disediakan untuk anggota-anggota Koperasi Shamelin Berhad. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain.

Sekian.


Encik Ibrahim bin A'kasah
Pengerusi


Encik Muhammad Asyraf bin Abd Mutalib
Setiausaha


Dato' Haji Abdullah bin Mohd Sultan
Ahli Jawatankuasa


Encik Mohamad Ropi bin Zakaria Muhammad
Ahli Jawatankuasa


Encik Mohamed A'Amir bin Haji Shair Mohd
Ahli Jawatankuasa

KOPERASI SHAMELIN BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA KOPERASI

Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said (*Pengerusi*)
Hajah Aishah binti Ahmad Nadzri (*Setiausaha*)
Dato' Ir. Haji Ismail bin Mat Noor (*Bendahari*)
Datuk Haji Abu bin Pit
Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan
Hajah Jariah binti Hashim
Haji Osman bin Toroh
Encik Ahmad Sodiqin bin Zulfikri
Haji Mohd Anuar bin Haji Ujang
Dr. Ahmad Zahran bin Md Khudzari
Ts. Haji Roslan bin Saad
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim

PEJABAT PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT

38-6-4, Bangunan SHAMELIN
Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT LUAR

A. Razak & Co. PLT
(LLP0042238-LCA & AF 0842)
Chartered Accountants
B3-08, Block B, Plaza Dwtasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur

BANK

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
CIMB Bank Berhad
RHB Bank Berhad
Public Bank Berhad
Al Rajhi Bank Berhad



A. RAZAK & CO. PLT Chartered Accountants
LLP0042238-LCA & AF 0842

B3-08, Block B, Plaza Dwtasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

No. Pendaftaran Koperasi : 4624 (197171500057)

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

Kepada:

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota Koperasi Shamelin Berhad

Laporan Terhadap Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Shamelin Berhad (Koperasi) dan subsidiarinya (Kumpulan), yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada 31 DISEMBER 2025, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 58 hingga 95 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 DISEMBER 2025 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan di bawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountant (termasuk International Independence Standards)* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Maklumat lain termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Para anggota-anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para anggota-anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi dan Kumpulan.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para anggota Lembaga Koperasi.

- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para anggota Lembaga Koperasi untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi dan Kumpulan tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.
- Memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian mengenai maklumat kewangan bagi entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab terhadap arahan, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami juga berkomunikasi dengan para anggota-anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Laporan ke atas Undang-undang dan Peraturan Lain

Mengikut keperluan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58, Akta Koperasi 1993.
- b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2025 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Koperasi dan Kumpulan, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63, Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842
Akaunta-akauntan Bertauliah



ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
No. Juruaudit: SKM (B) 0350
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 4 MEI 2026

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT SEKSYEN 59(1) (c) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan untuk tahun berakhir 31 DISEMBER 2025.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, kami bagi pihak Lembaga melaporkan bahawa :-

- a) Pada pendapat Lembaga Koperasi, hasil operasi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2025 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif Seksyen 59(4), Akta Koperasi 1993 kecuali perkara-perkara berikut:
 - i) Menyediakan tambahan peruntukan hutang ragu ke atas pembiayaan anggota tidak membayar (NPF) bagi amaun prinsipal dan keuntungan berjumlah sebanyak RM159,166 menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM15,066,029 bagi pembiayaan anggota yang tidak membayar melebihi 9 bulan.
 - ii) Menyediakan peruntukan hutang ragu sebanyak RM26,877 ke atas amaun terhutang sewaan bangunan.
- b) Lembaga Koperasi tidak bercadang membuat dividen dan lain-lain peruntukan pada tahun ini.
- c) Tiada apa-apa hal-hal berbangkit yang menjadikan pematuhan kaedah yang sedia ada bagi pentaksiran aset atau liabiliti koperasi ini mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Tiada liabiliti kontingen yang belum ditunaikan telah ditanggung oleh Koperasi untuk tahun yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi, dan tiada liabiliti kontingen sedemikian telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan yang berikutnya yang akan menjejaskan secara material keupayaan Koperasi untuk memenuhi obligasi-obligasi yang perlu dipenuhi.
- e) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.


Bagi pihak Lembaga Koperasi,



IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID
Pengerusi



HAJAH AISHAH BINTI AHMAD NADZRI
Setiausaha



DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MAT NOOR
Bendahari

Kuala Lumpur
Bertarikh : 4 MEI 2026

**KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025**

	Nota	Kumpulan 2025 RM	Kumpulan 2024 RM	Koperasi 2025 RM	Koperasi 2024 RM
ASET					
ASET BUKAN SEMASA					
Harta Tanah, Loji dan Peralatan	5				
Tanah		2,606,106	2,606,875	2,606,106	2,606,875
Bangunan		7,497,991	7,626,945	7,497,991	7,626,945
Komputer		32,404	49,351	32,403	49,350
Kenderaan		1	1	1	1
Ubahsuai Bangunan - Unit Komersial Shamelin Star		1	1	1	1
Peralatan - Unit Kediaman Shamelin Star					
/Airbnb/Residensi Sky		60,532	89,427	60,532	89,427
Peralatan -Tempat letak kereta Shamelin Star		1	1	1	1
Aset-aset lain		6,389	5,801	6,389	5,801
		10,203,425	10,378,402	10,203,424	10,378,401
Muhibah	6	-	-	-	-
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	7	385,530	384,426	385,530	384,426
Kepentingan Dalam Subsidiari	8	-	-	10,004	10,004
Amaun Terhutang Oleh Subsidiari	9	-	-	62,666	19,901
Pelaburan Hartanah	10	76,751,810	79,132,795	76,751,810	79,132,795
Pelaburan Dalam Projek	11	2,237,413	2,237,413	2,237,413	2,237,413
Lain-Lain Pelaburan	12	2,753,169	2,753,169	2,753,169	2,753,169
Pembiayaan Anggota	13	20,607,975	18,675,198	20,607,975	18,675,198
Akaun Deposit Koperasi	14(a)	1,638,682	1,618,599	1,638,682	1,618,599
Akaun Caruman Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	15	302,351	302,351	302,351	302,351
		104,676,930	105,103,951	104,749,600	105,133,856
ASET SEMASA					
Penghutang Perdagangan	16	217,928	247,565	-	-
Pembiayaan Anggota	13	3,925,328	3,557,181	3,925,328	3,557,181
Akaun Kumpulan Wang Rizab Statutori	17	815,023	795,021	815,023	795,021
Pelbagai Penghutang dan Deposit	18	9,524,359	7,635,639	9,473,088	7,617,559
Prabayar Cukai Perniagaan	19	2,513,839	2,303,639	2,474,155	2,270,155
Deposit tetap	20	787,209	770,524	-	-
Wang Di Bank	21	3,857,812	3,295,171	3,512,497	2,938,209
Wang Di Tangan	22	7,103	7,103	6,100	6,100
		21,648,601	18,611,843	20,206,191	17,184,225
JUMLAH ASET		136,528,956	134,094,196	135,159,215	132,696,482

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025 - Sambungan

Nota	Kumpulan 2025 RM	Kumpulan 2024 RM	Koperasi 2025 RM	Koperasi 2024 RM
EKUITI DAN LIABILITI				
Dibiayai oleh:-				
Modal Syer Anggota	23	26,696,750	26,992,036	26,696,750
Akaun Syer Bonus	24	4,439,670	4,473,592	4,473,592
Modal Yuran Anggota	25	393,980	319,587	319,587
Modal Syer Ditebus	26	-	-	-
Syer Bonus Ditebus	27	576,539	572,838	576,539
Akaun Rizab Modal	28	10,895,116	10,895,116	10,895,116
Akaun Rizab Penilaian Semula	29	8,491,238	8,491,238	8,491,238
Akaun Simpanan Khas - Dividen	30	4,329,693	4,362,810	4,329,693
Kumpulan Wang Penebusan Syer	31	502,414	502,414	502,414
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	32	473,406	477,107	477,107
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan	33	274,703	328,214	-
Lain-lain Kumpulan Wang	34	525,832	576,672	576,672
Keuntungan Berkumpul		7,525,286	7,410,165	8,261,793
KUMPULAN WANG ANGGOTA		65,124,627	65,401,789	65,586,431
KUMPULAN WANG BUKAN ANGGOTA				
Skim Ganjaran Bukan Anggota	35	292,690	292,690	292,690
Kumpulan Wang Rizab Statutori	36	24,502,659	24,482,576	24,502,659
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Keuntungan pembiayaan akan diterima	37	10,046,875	8,897,462	10,046,875
Pinjaman Jangka Panjang	38	23,180,809	21,767,549	23,180,809
Hutang kepada syarikat berkaitan	39	483,956	483,956	-
		33,711,640	31,148,967	33,227,684
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang Perdagangan	40	2,382,916	2,204,239	1,819,123
Pinjaman Jangka Panjang	38	2,991,416	2,100,685	2,991,416
Fi Juruaudit swasta	41	12,895	12,500	12,895
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	42	3,347	-	3,347
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	43	1,674	-	1,674
Honorarium Anggota Lembaga	44	17,821	17,821	17,821
Peruntukan Dividen	45	-	-	-
Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar	14(b)	1,565,105	1,545,022	1,565,105
Pelbagai Pemiutang, Deposit dan Akruan	46	5,922,157	6,887,907	5,138,370
Baki bank terlebih dikeluarkan	21	9	-	-
		12,897,340	12,768,174	11,549,751
JUMLAH LIABILITI		46,608,980	43,917,141	44,777,435
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		136,528,956	134,094,196	135,159,215
		132,696,482		

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Nota	Kumpulan 2025 RM	Kumpulan 2024 RM	Koperasi 2025 RM	Koperasi 2024 RM
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH TAHUN SEMASA		87,381	(232,003)	120,098	(226,364)
Tambah: Pelarasan Operasi	47	47,263	39,270	47,263	39,270
Untung/(Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi		134,644	(192,733)	167,361	(187,094)
TOLAK - PEMBAHAGIAN BERKANUN					
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12% (2024: 0%)		20,083	-	20,083	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2% (2024: 0%)		3,347	-	3,347	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1% (2024: 0%)		1,674	-	1,674	-
		25,104	-	25,104	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		109,540	(192,733)	142,257	(187,094)
TOLAK :					
Peruntukan cukai	48	(310)	(733)	-	-
Peruntukan zakat	49	(3,000)	-	(3,000)	-
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Pembahagian Berkanun, Peruntukan Cukai Dan Zakat		106,230	(193,466)	139,257	(187,094)
TOLAK - PEMBAHAGIAN LAIN					
Cadangan Dividen Atas Modal Syer Anggota 30 Jun 2025 - 0% (2024 : 0%)		-	-	-	-
Honorarium Lembaga		-	-	-	-
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan		-	-	-	-
Kumpulan Wang Tabung Pendidikan		-	-	-	-
Skim Ganjaran Persaraan		-	-	-	-
		-	-	-	-
Baki Keuntungan/(Kerugian) Selepas Lain-lain Pembahagian		106,230	(193,466)	139,257	(187,094)
Tambah : Pelarasan Bukan Operasi	50	8,891	(7,107)	8,891	(7,107)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		7,410,165	7,610,738	8,113,645	8,307,846
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		7,525,286	7,410,165	8,261,793	8,113,645

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	Koperasi 2025 RM	Koperasi 2024 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan Dari Aktiviti			
KREDIT			
Pendapatan aktiviti skim kemudahan kredit	51	956,900	763,869
		956,900	763,869
PERKHIDMATAN			
Sewa Bangunan Shamelin dan Dataran Shamelin		1,648,163	1,371,974
Sewaan Unit Komersial Shamelin Star		945,658	921,918
Sewaan Unit Kediaman Shamelin Star		373,750	350,800
Sewaan Tempat Letak Kereta Shamelin Star		342,959	320,762
Sewaan Unit kediaman Residensi Sky		814,810	803,048
Sewaan Tapak bangunan		12,500	12,800
Yuran Pengurusan ke atas Subsidiari		216,000	198,000
Caj pentadbiran (sewa)		12,937	10,910
		4,366,777	3,990,212
PELABURAN			
Keuntungan atas akaun simpanan /semasa		29,974	16,990
Keuntungan atas Simpanan Tetap		20,002	35,518
Keuntungan ke atas akaun Caruman KWLP		3,024	6,047
		53,000	58,555
Lain-Lain Aktiviti Pengguna			
Komisen atas Urusniaga Insuran		16,277	22,815
		16,277	22,815
Jumlah Pendapatan Aktiviti		5,392,954	4,835,451
Pendapatan Am :			
Yuran masuk		3,100	5,350
Hutang ragu terpulih - Tekno Intergrated Farm Sdn Bhd		20,000	20,000
Tuntutan ke atas Levi-Pembangunan Sumber Manusia (HRDC)		-	300
Keuntungan ke atas pulangan jualan pelaburan emas		-	97,899
Lain - lain pendapatan	52	159,115	11,551
		182,215	135,100
JUMLAH PENDAPATAN		5,575,169	4,970,551

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 - Sambungan

	Nota	Koperasi 2025 RM	Koperasi 2024 RM
PERBELANJAAN			
Kos Jualan /Kos Aktiviti			
KREDIT			
Perbelanjaan aktiviti skim kemudahan kredit	51	23,357	18,883
		23,357	18,883
PERKHIDMATAN			
Penyelenggaraan Bangunan Shamelin		317,146	376,067
Penyelenggaraan Dataran Shamelin		380,910	363,914
Perbelanjaan Shamelin Star		933,308	930,787
Perbelanjaan Residensi Shamelin		169,285	185,288
		1,800,649	1,856,056
Lain-Lain Aktiviti Pengguna			
Perbelanjaan Urusniaga Insuran		-	5,537
Jumlah Kos Aktiviti		1,824,006	1,880,476
PERBELANJAAN AM:			
Fi Audit		12,895	12,500
Keuntungan pinjaman Public Islamic Bank Berhad		159,827	167,673
Keuntungan pinjaman TMP-Suruhanjaya Koperasi Malaysia		95,932	95,932
Keuntungan pinjaman Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)		8,484	11,919
Perbelanjaan Lembaga	53	104,618	131,531
Perbelanjaan mesyuarat agung perwakilan		64,571	65,490
Hapuskira pelaburan		-	2
Peruntukan Hutang Ragu - Kemudahan Kredit		159,166	-
Peruntukan Hutang Ragu - Sewa Bangunan		26,877	-
Penilaian hartanah		-	9,000
Susutnilai - Aset-aset lain		3,572	2,302
Susutnilai - Pelaburan Hartanah		863,881	880,021
Susutnilai - Bangunan		128,954	128,954
Susutnilai - Peralatan		45,089	41,766
Susutnilai - Komputer		25,851	44,258
Susutnilai - Tanah		769	770
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	54	1,165,678	1,207,008
Perbelanjaan Hari Raya 2025 dan Persekolahan Penggal 2026 Kakitangan		17,500	-
Saguhati kepada kakitangan		-	32,000
Skim ganjaran persaraan		438,756	-
Pelbagai Perbelanjaan	55	308,645	485,313
		3,631,065	3,316,439
JUMLAH PERBELANJAAN		5,455,071	5,196,915
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH TAHUN SEMASA		120,098	(226,364)

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

AKAUN UNTUNG RUGI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Kumpulan		Koperasi	
	2025	2024	2025	2024
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>(RM)</u>
Hasil Kendalian Koperasi	5,155,704	4,816,251	5,392,954	4,835,451
Kos Langsung	(1,824,006)	(1,880,476)	(1,824,006)	(1,880,476)
Keuntungan Kasar	3,331,698	2,935,775	3,568,948	2,954,975
Pelbagai Pendapatan	385,969	350,640	182,215	135,100
Perbelanjaan Operasi	(3,366,043)	(3,242,894)	(3,366,822)	(3,040,915)
Lain - Lain Perbelanjaan	-	-	-	-
Keuntungan Dari Operasi	351,624	43,521	384,341	49,160
Perbelanjaan Kewangan	(264,243)	(275,524)	(264,243)	(275,524)
Keuntungan/(Kerugian) Kumpulan sebelum cukai dan pembahagian berkanun	87,381	(232,003)	120,098	(226,364)
Cukai	(310)	(733)	-	-
Keuntungan/(Kerugian) bersih tahun semasa	87,071	(232,736)	120,098	(226,364)

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Kumpulan		Koperasi	
	2025	2024	2025	2024
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan/(Kerugian) bersih sebelum cukai dan zakat	87,381	(232,003)	120,098	(226,364)
Pelarasan :				
Susutnilai aset tetap	1,068,116	1,098,071	1,068,116	1,098,071
Peruntukan Hutang Ragu - Kemudahan Kredit	159,166	-	159,166	-
Peruntukan Hutang Ragu - Sewa Bangunan	26,877	-	26,877	-
Hapuskira pelaburan	-	2	-	2
Hutang ragu terpulih	(20,000)	(20,000)	(20,000)	(20,000)
Keuntungan atas simpanan tetap	(41,006)	(58,298)	(20,002)	(35,518)
Kerugian atas pelupusan harta tetap	419	-	419	-
Perbelanjaan kewangan	264,243	275,524	264,243	275,524
Keuntungan ke atas penjualan pelaburan emas	-	(97,899)	-	(97,899)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	1,545,196	965,397	1,598,917	993,816
Tambahan Amaun Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	(368,147)	(4,777,986)	(368,147)	(4,777,986)
Tambahan Amaun Terhutang oleh Subsidiari	-	-	(42,765)	(9,165)
Tambahan Penghutang Perdagangan	38,162	(67,488)	-	-
Tambahan Pelbagai Penghutang dan Deposit	(1,897,246)	(1,726,305)	(1,855,529)	(1,726,305)
Tambahan Keuntungan pembiayaan akan diterima	2,818,779	4,777,986	2,818,779	4,777,986
(Kurangan)/Tambahan Pemiutang Perdagangan	178,677	(34,781)	178,677	(34,781)
Tambahan/(Kurangan) Pelbagai Pemiutang dan Akruan	(965,354)	351,575	(1,023,911)	310,260
Kurangan kumpulan wang penyelenggaraan bangunan	(53,511)	(136,161)	-	-
Tunai diperolehi/(digunakan untuk) daripada operasi	1,296,556	(647,763)	1,306,021	(466,175)
Cukai dibayar	(210,510)	(224,000)	(204,000)	(204,000)
Terimaan cukai terlebih bayar	-	13,702	-	-
Keuntungan atas simpanan tetap/akaun pelaburan	41,006	58,298	20,002	35,518
Tunai bersih diperolehi dari/(digunakan untuk) aktiviti operasi	1,127,052	(799,763)	1,122,023	(634,657)
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Lain-lain Kumpulan Wang	(50,840)	(138,790)	(50,840)	(138,790)
Tunai bersih bayaran berkanun dan agihan	(50,840)	(138,790)	(50,840)	(138,790)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Belian aset tetap	(30,351)	(37,697)	(30,351)	(37,697)
Pelaburan Dalam Syer	(1,104)	(768)	(1,104)	(768)
Lain-lain pelaburan	-	542,013	-	1,314,001
Bayaran balik deposit simpanan tetap	(16,685)	-	-	-
Tunai bersih (digunakan untuk)/diperolehi dari aktiviti pelaburan	(48,140)	503,548	(31,455)	1,275,536

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 - Sambungan

	Kumpulan		Koperasi	
	2025	2024	2025	2024
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Modal syer anggota diterima	50,333	240,183	50,333	240,183
Modal syer dikeluarkan	(126,375)	(576,324)	(126,375)	(576,324)
Modal yuran anggota diterima	123,369	109,350	123,369	109,350
Modal yuran dikeluarkan	(48,976)	(10,310)	(48,976)	(10,310)
Syer bonus ditebus	(3,701)	(24,088)	(3,701)	(24,088)
Dividen	(26,915)	(238,079)	(26,915)	(238,079)
Terimaan pembiayaan baru	3,363,779	2,795,000	3,363,779	2,795,000
Pembayaran Balik Pinjaman Jangka Panjang	(3,512,709)	(2,551,592)	(3,512,709)	(2,551,592)
Perbelanjaan kewangan	(264,243)	(275,524)	(264,243)	(275,524)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan	(445,438)	(531,384)	(445,438)	(531,384)
Lebihan/(Kurangan) tunai dan setara tunai	582,634	(966,389)	594,290	(29,295)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	4,097,295	5,063,684	3,739,330	3,768,625
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	4,679,929	4,097,295	4,333,620	3,739,330
Tunai dan setara tunai :				
Deposit tetap	815,023	795,021	815,023	795,021
Wang di bank	3,857,812	3,295,171	3,512,497	2,938,209
Wang di tangan	7,103	7,103	6,100	6,100
Bank overdraf	(9)	-	-	-
	4,679,929	4,097,295	4,333,620	3,739,330

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT UMUM

Fungsi utama koperasi adalah pelaburan hartanah dan Koperasi menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Aktiviti pembiayaan anggota
- (b) Aktiviti sewaan bangunan
- (c) Pelaburan projek usahasama untuk pembinaan bangunan
- (d) Aktiviti pelaburan

Koperasi ini diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1993 dan beroperasi di Malaysia.

Alamat berdaftar dan alamat perniagaan koperasi adalah 38-6-4, Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Jumlah bilangan pekerja koperasi ialah seramai 21 orang (2024 : 21 orang).

2. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Anggota Lembaga Koperasi pada 4 MEI 2026.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(A) Asas-Asas Perakaunan

- (i) Penyata Kewangan disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan koperasi adalah berterusan. Pelarasan akan dibuat bagi penilaian saksama aset atau liabiliti.
- (ii) Penyata Kewangan koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan di bawahnya.
- (iii) Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Koperasi dan subsidiarinya pada Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan untuk tarikh laporan yang sama dengan penyata kewangan Koperasi.

(B) Anak syarikat dan asas penyatuan

- (i) Anak syarikat

Anak syarikat adalah syarikat di mana Koperasi mempunyai kuasa mutlak untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Kumpulan akan mengambilkira kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar semasa menentukan kuasa ke atas syarikat lain.

- (ii) Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Koperasi dan kesemua anak-anak syarikatnya pada tarikh kunci kira-kira. Penyata kewangan anak-anak syarikat ini telah disediakan bagi tarikh laporan yang sama seperti Koperasi.

Anak-anak syarikat yang disatukan dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan iaitu tarikh di mana kumpulan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan hingga kuasa dilupuskan. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki, urusaniaga dan hasil atau rugi laba belum direalisasikan di antara Koperasi dan anak-anak syarikat dihapuskan sepenuhnya. Polisi-polisi perakaunan seragam diterima pakai dalam penyata kewangan disatukan bagi urusaniaga dan peristiwa yang sama.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diakaunkan dengan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti, dan liabiliti luar jangka pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat nilai saksama pada tarikh pertukaran aset-aset diberikan, ditambah kos-kos lain yang secara langsung disebabkan pengambilalihan.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan dengan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka dengan kos pengambilalihan diiktiraf sebagai muhibah atau negatif muhibah.

Kepentingan minoriti merupakan bahagian keuntungan atau kerugian dan aset-aset bersih dalam anak-anak syarikat yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ianya dinilai saksama atas aset-aset dan liabiliti-liabiliti bahagian minoriti yang dikenaltasti pada tarikh pengambilalihan dan atas perubahan.

(C) Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai. Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan adalah menurut kaedah garis lurus berdasarkan jangka masa harta tanah, loji dan peralatan boleh digunakan.

Susutnilai tidak diperuntukkan atas tanah milik bebas dan perladangan. Tanah berstatus pajakan disusutnilaikan berdasarkan tempoh pajakan. Harta tanah, loji dan peralatan yang lain adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat penggunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut :

Tanah dan Bangunan Pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Kenderaan	5 Tahun
Peralatan Komputer	5 Tahun
Perkakas, Perabot dan kelengkapan	5 Tahun
Ubahsuai	5 Tahun

Sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dinyahaktifkan selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangkakan dari penggunaan atau pelupusan. Sekiranya ada, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian daripada pelupusan di dalam akaun untung rugi.

(D) Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga

Pelaburan dalam syer tak siar harga dinyatakan pada harga kos tolak jumlah yang diperuntukkan bagi pengurangan tetap dalam nilai.

Pendapatan dari pelaburan tersebut dimasukkan dalam akaun untung rugi jika dan bila diterima.

(E) Pembiayaan Anggota

Peruntukan perniagaan yang diragui dibuat berasaskan anggaran kemungkinan kerugian yang dijangka timbul daripada kutipan yang tidak dapat dibuat ke atas penghutang tertentu.

(F) Penghutang dan Pelbagai Penghutang

Penghutang dan pelbagai penghutang adalah diiktiraf pada nilai saksama. Peruntukan hutang ragu/lapuk disediakan apabila dikenalpasti.

(G) Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

(H) Modal Syer Anggota

Modal syer anggota dikategorikan sebagai ekuiti.

(I) Cukai

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira.

(J) Tunai Dan Kebersamaan Tunai

Tunai dan kebersamaan tunai merangkumi tunai di tangan dan tunai di bank, deposit jangka pendek dan tetap, serta pelaburan cair jangka pendek yang sedia untuk ditukar kepada nilai tunai dengan nyata dan tertakluk kepada perubahan nilai yang tidak ketara.

(K) Penurunan Nilai Aset

Nilai aset dinilai semula apabila terdapat tanda-tanda bahawa aset tersebut mungkin mengalami penurunan nilai. Penurunan adalah diukur dengan membandingkan nilai aset tersebut dengan amaun perolehan kembali. Amaun perolehan kembali adalah harga jualan bersih aset dan nilai jika digunakan, yang mana lebih besar, diukur melalui Aliran Tunai masa hadapan didiskaunkan. Amaun perolehan kembali adalah dianggarkan untuk sesuatu aset atau jika tidak mungkin, untuk unit penjana tunai.

Kerugian pada penurunan nilai dicaj ke dalam akaun untung rugi dengan serta merta, kecuali aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian penurunan nilai bagi aset yang dinilai semula adalah dianggap sebagai pengurangan penilaian semula.

Sebarang kenaikan selepasnya di dalam amaun perolehan kembali bagi aset adalah diambilkira sebagai pembalikan dari kerugian penurunan nilai sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset yang menentukan (selepas pelunasan dan susutnilai), sekiranya tiada kerugian penurunan nilai yang telah diiktiraf. Pembalikan tersebut diiktiraf di dalam akaun untung rugi.

(L) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Bayaran perkhidmatan pembiayaan

Hasil diiktiraf apabila pulangan pembiayaan daripada anggota diperolehi.

(ii) Dividen

Dividen diiktiraf apabila hak pemegang modal syer dan yuran untuk menerima bayaran telah dipastikan.

(iii) Sewa diterima

Sewa diterima diiktiraf pada asas akruan.

(iv) Lain-lain pendapatan

Lain-lain pendapatan diktiraf pada asas akruan.

(M) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Koperasi. Ketakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman dinyatakan

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, pihak majikan di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam akaun untung rugi sebagaimana ditanggung.

(N) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh dicapai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

(O) Fi Masuk

Fi masuk dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan Koperasi.

(P) Bayaran Yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kredit

Bayaran-bayaran yang dikenakan ke atas jenis pembiayaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Aturan-Aturan Aktiviti.

(Q) Instrumen Kewangan

- (i) Instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira.

Instrumen kewangan yang ditunjukkan di kunci kira-kira merangkumi tunai dan baki bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan pembiayaan.

Cara pengiktirafan yang digunakan bagi instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira adalah dinyatakan di dalam dasar berasingan untuk setiap instrumen berkenaan.

- (ii) Anggaran nilai saksama

Nilai boleh bawa tunai adalah menyamai nilai saksama kerana mempunyai tempoh matang yang pendek.

Nilai saksama untuk harta dan tanggungan kewangan dengan tempoh matang kurang dari setahun hampir menyamai nilai yang dibawa mereka.

4. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Koperasi terdedah kepada pelbagai jenis risiko, antaranya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kredit dan risiko faedah. Pada keseluruhannya, objektif pengurusan risiko kewangan Koperasi adalah untuk memastikan sumber kewangan Koperasi mencukupi dan diuruskan dengan baik dalam pengendalian dan pembangunan operasi Koperasi di samping menguruskan risiko-risiko yang ada.

(i) Risiko Pasaran

Koperasi terdedah kepada risiko pasaran yang kebanyakannya disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa. Bagi menangani risiko ini, ia merupakan polisi Koperasi untuk menjalankan analisa sebelum melaburkan wangnya.

(ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Koperasi mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhati-hati untuk mengurangkan terjadinya perbezaan antara aset dan liabiliti kewangan serta menampung kemudahan kredit yang mencukupi untuk tujuan modal kerja.

(iii) Risiko Kredit

Koperasi melabur aset tunainya secara berhati-hati dan menguntungkan. Ia mengamalkan risiko kredit dengan adanya sistem kawalan kredit untuk unit pembiayaan anggota dan memastikan pembiayaan hanya diberikan kepada anggota-anggota yang memenuhi syarat-syarat pembiayaan. Dengan itu, risiko kredit adalah rendah memandangkan pembayaran balik adalah melalui potongan gaji.

(iv) Risiko Faedah

Koperasi tidak terdedah kepada risiko faedah yang tinggi kerana sumber pembiayaan hanya diperolehi daripada Jabatan Pembangunan Koperasi, Public Islamic Bank Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Perolehan dan aliran tunai operasi Koperasi juga tidak tertakluk kepada kadar keuntungan di pasaran.

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Koperasi

Perkara	Kos Pada 1.1.2025	Tambahan	Pelarasan / Pelupusan 2025	Kos Pada 31.12.2025	Susutnilai Terkumpul 1.1.2025	Susutnilai Semasa	Pelarasan / Pelupusan 2025	Susutnilai Terkumpul 31.12.2025	Amaun Dibawa Pada 31.12.2025	Amaun Dibawa Pada 31.12.2024
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah*	2,621,897	-	-	2,621,897	15,022	769	-	15,791	2,606,106	2,606,875
Bangunan*	11,058,349	-	-	11,058,349	3,431,404	128,954	-	3,560,358	7,497,991	7,626,945
Komputer	467,467	8,904	(113,709)	362,662	418,117	25,851	(113,709)	330,259	32,403	49,350
Kenderaan	491,717	-	(146,005)	345,712	491,716	-	(146,005)	345,711	1	1
Ubahsuai Bangunan Shamelin Star	223,456	-	-	223,456	223,455	-	-	223,455	1	1
Peralatan Unit Kediaman (Shamelin Star)	121,742	9,818	(28,863)	102,697	118,243	3,029	(28,444)	92,828	9,869	3,499
Peralatan Unit Kediaman (Residensi Sky)	203,504	6,795	-	210,299	117,576	42,060	-	159,636	50,663	85,928
Peralatan tempat letak kereta	352,381	-	-	352,381	352,380	-	-	352,380	1	1
	15,540,513	25,517	(288,577)	15,277,453	5,167,913	200,663	(288,158)	5,080,418	10,197,035	10,372,600
Aset-Aset Lain										
Kelengkapan Pejabat	174,222	4,834	(2,529)	176,527	168,423	3,572	(1,855)	170,140	6,387	5,799
Perabot dan Lekapan	166,416	-	-	166,416	166,415	-	-	166,415	1	1
Kelengkapan Bilik Pameran	2,747	-	-	2,747	2,746	-	-	2,746	1	1
	343,385	4,834	(2,529)	345,690	337,584	3,572	(1,855)	339,301	6,389	5,801
Jumlah	15,883,898	30,351	(291,106)	15,623,143	5,505,497	204,235	(290,013)	5,419,719	10,203,424	10,378,401

* Rujuk Lampiran A

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan

Perkara	Kos Pada 1.1.2025	Tambahan	Pelarasan / Pelupusan 2025	Kos Pada 31.12.2025	Susutnilai Terkumpul 1.1.2025	Susutnilai Semasa	Pelarasan / Pelupusan 2025	Susutnilai Terkumpul 31.12.2025	Amaun Dibawa Pada 31.12.2025	Amaun Dibawa Pada 31.12.2024
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	2,621,897	-	-	2,621,897	15,022	769	-	15,791	2,606,106	2,606,875
Bangunan	11,058,349	-	-	11,058,349	3,431,404	128,954	-	3,560,358	7,497,991	7,626,945
Komputer	476,370	8,904	(113,709)	371,565	427,019	25,851	(113,709)	339,161	32,404	49,351
Kenderaan	491,717	-	(146,005)	345,712	491,716	-	(146,005)	345,711	1	1
Ubahsuai Bangunan Shamelin Star	223,456	-	-	223,456	223,455	-	-	223,455	1	1
Peralatan Unit Kediaman (Shamelin Star)	121,742	9,818	(28,863)	102,697	118,243	3,029	(28,444)	92,828	9,869	3,499
Peralatan Unit Kediaman (Residensi Sky)	203,504	6,795	-	210,299	117,576	42,060	-	159,636	50,663	85,928
Peralatan tempat letak kereta	352,381	-	-	352,381	352,380	-	-	352,380	1	1
	15,549,416	25,517	(288,577)	15,286,356	5,176,815	200,663	(288,158)	5,089,320	10,197,036	10,372,601
Aset-Aset Lain										
Kelengkapan Pejabat	226,657	4,834	(2,529)	228,962	220,858	3,572	(1,855)	222,575	6,387	5,799
Perabot dan Lekapan	167,616	-	-	167,616	167,615	-	-	167,615	1	1
Kelengkapan Bilik Pameran	2,747	-	-	2,747	2,746	-	-	2,746	1	1
	397,020	4,834	(2,529)	399,325	391,219	3,572	(1,855)	392,936	6,389	5,801
	15,946,436	30,351	(291,106)	15,685,681	5,568,034	204,235	(290,013)	5,482,256	10,203,425	10,378,402
Jumlah										

6. MUHIBAH

	Kumpulan dan Koperasi	
	2025	2024
	RM	RM
Muhibah atas penyatuan	71,062	71,062
Tolak : Pelunasan muhibah atas penyatuan	(71,062)	(71,062)
	<u>-</u>	<u>-</u>

7. PELABURAN DALAM SYER TAK SIAR HARGA

	Kumpulan dan Koperasi	
	2025	2024
	RM	RM
	Nota	
Pelaburan Dalam Syer Tak Siarharga	(a)	
Tambahan Semasa	1,104	770
Pelupusan Semasa	-	(2)
Baki pada 31 Disember	<u>385,530</u>	<u>384,426</u>

(a) Pelaburan dalam Syer Tak Siar Harga

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah bertanggungjawab menilai kemampuan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para Pengarah berniat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara kewangan secara profesional. Kami juga :-

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Syarikat, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan

juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Syarikat.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para Pengarah untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Syarikat meneruskan perniagaannya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Syarikat dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Syarikat menghentikan operasi perniagaannya.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi.

Kami juga berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Perkara-perkara lain

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah

ABD RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
No. 01522/03/2028 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh : 30 APRIL 2026

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2025**

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ASET			
Aset Semasa			
Wang di tangan		2	2
JUMLAH ASET		<u>2</u>	<u>2</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	5	2	2
Kerugian terkumpul		(59,622)	(55,496)
Defisit modal		(59,620)	(55,494)
Liabiliti-liabiliti Semasa			
Pelbagai pemiutang	6	1,766	1,550
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	7	4	4
Jumlah terhutang kepada perbadanan induk utama	8	57,852	53,942
JUMLAH LIABILITI		<u>59,622</u>	<u>55,496</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>2</u>	<u>2</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	<u>NOTA</u>	<u>2025 RM</u>	<u>2024 RM</u>
Hasil kendalian		-	-
Perbelanjaan lain		(4,126)	(4,310)
Kerugian sebelum cukai	9	(4,126)	(4,310)
Cukai	10	-	-
Kerugian komprehensif tahun semasa		<u>(4,126)</u>	<u>(4,310)</u>

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	<u>Modal Saham RM</u>	<u>Kerugian Terkumpul RM</u>	<u>Defisit Modal RM</u>
Pada 1 Januari 2024	2	(51,186)	(51,184)
Kerugian komprehensif tahun semasa	-	(4,310)	(4,310)
Pada 31 Disember 2024	2	(55,496)	(55,494)
Kerugian komprehensif tahun semasa	-	(4,126)	(4,126)
Pada 31 Disember 2025	2	<u>(59,622)</u>	<u>(59,620)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian sebelum cukai	(4,126)	(4,310)
Penambahan/(Pengurangan) dalam pelbagai pemiutang	216	(611)
Aliran bersih tunai digunakan untuk aktiviti operasi	<u>(3,910)</u>	<u>(4,921)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Penambahan dalam terhutang kepada perbadanan induk	3,910	4,921
Aliran bersih tunai dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>3,910</u>	<u>4,921</u>
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR/ AWAL TAHUN	<u>2</u>	<u>2</u>
 Tunai dan bersamaan tunai diwakili oleh :- Wang di tangan	 <u>2</u>	 <u>2</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia.

Alamat berdaftar syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama syarikat adalah pemegangan pelaburan.

Syarikat belum memulakan operasi perniagaan sejak tarikh laporan tahun lepas.

Perbadanan induk ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diisu oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Resolusi Pengarah pada 30 APRIL 2026.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

(b) Asas perakaunan

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan berdasarkan konsep andaian usaha berterusan dan kebolehan Syarikat untuk meneruskan operasinya adalah tertakluk kepada sokongan kewangan berterusan daripada koperasi induk utama.

(c) Penggunaan andaian dan penilaian

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian akan dipinda secara berterusan. Pindaan ke atas anggaran perakaunan diambil kira dalam tempoh di mana anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

(d) Prinsip perakaunan asas

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan dengan andaian bahawa Syarikat akan meneruskan usaha berterusan. Penggunaan asas usaha berterusan adalah berdasarkan andaian bahawa Syarikat akan dapat merealisasikan asetnya dan mencairkan liabilitinya dalam perjalanan biasa perniagaan.

Dalam tempoh kewangan berakhir 31 DISEMBER 2025, Syarikat mengalami kerugian bersih sebanyak RM4,126 dan, setakat tarikh, liabiliti semasa Syarikat melebihi aset semasanya sebanyak RM59,620 dan defisit modal berjumlah RM59,620. Peristiwa atau keadaan ini menunjukkan bahawa wujud ketidakpastian material yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Syarikat untuk meneruskan usaha berterusan.

Keupayaan Syarikat untuk meneruskan usaha berterusan akan bergantung kepada sokongan berterusan daripada syarikat pemegang sahamnya untuk menyediakan dana yang mencukupi bagi Syarikat untuk memenuhi liabilitinya apabila tiba masanya.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

(a) Instrumen kewangan

Pengiktirafan awal dan pengukuran

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada mulanya pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali dalam pengukuran awal aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) melainkan susunan itu merupakan, sebagai akibatnya, suatu transaksi pembiayaan. Jika perjanjian itu merupakan transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa pembayaran masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang sama.

Pengukuran seterusnya

Instrumen hutang yang memenuhi syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan: -

- (a) kembali kepada pemegang boleh ditentukan, contoh jumlah tetap dan / atau kadar penanda aras pulangan yang berubah berbanding kadar faedah yang dipetik atau diperhatikan;
- (b) tiada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan amaun pokok atau apa-apa faedah yang boleh diagihkan kepada tempoh semasa atau sebelum ini; dan
- (c) Pilihan prabayar, jika ada, tidak bergantung kepada peristiwa masa hadapan.

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaun tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tidak dipotong dan pelaburan dalam saham keutamaan tidak boleh ditukar dan tidak dipotong adalah diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham itu didagangkan secara awam atau nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos atau kos pelunasan ditolak rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang kemungkinan penurunan nilai. Kerugian penurunan nilai diukur seperti berikut: -

- Bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan, kerugian kemerosotan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset.
- Bagi instrumen yang diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian penurunan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik amaun yang akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh laporan.

Tidak lagi diiktirafkan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk aliran tunai dari aset kewangan tamat tempoh atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan ke pihak lain. Apabila penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan yang diiktiraf dan balasan yang diterima, termasuk apa-apa hak dan obligasi yang baru dicipta, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diiktiraf apabila, dan hanya apabila, kewajipan yang dinyatakan dalam kontrak ditakdirkan, dibatalkan atau tamat tempoh. Apabila tidak mengiktiraf liabiliti kewangan, perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan yang dibayar, termasuk sebarang aset tidak dipindahkan atau liabiliti yang diandaikan, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek yang sangat cair yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara, selepas overdraf bank tertunggak.

Kesetaraan tunai adalah pelaburan jangka pendek dan sangat cair yang mudah ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak signifikan, yang mana overdraf bank, jika ada, ditolak.

(c) Kemerosotan aset kewangan

Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Syarikat secara kolektif mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian kemuflian atau kesulitan kewangan yang signifikan dari penghutang, dan kelewatan atau kelewatan pembayaran yang belum dijelaskan oleh penghutang, untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa penurunan nilai pinjaman dan penghutang telah berlaku. Bukti objektif penurunan nilai yang lain termasuk kadar kutipan sejarah yang ditentukan secara individu dan perubahan yang dapat diperhatikan dalam keadaan ekonomi negara atau tempatan yang secara langsung berkaitan dengan kadar hutang piutang yang bersejarah.

Sekiranya terdapat bukti objektif seperti itu, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara nilai dibawa aset kewangan dan nilai sekarang anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jumlah dibawa pinjaman dan penghutang dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Sekiranya dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian penurunan nilai menurun dan secara objektif berkaitan dengan peristiwa yang berlaku setelah penurunan nilai diiktiraf, kerugian penurunan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan sehingga jumlah nilai aset tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh pembalikan. Jumlah pembalikan rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

(d) Cukai pendapatan

(i) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka pulih dari atau dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang digubal atau digubal secara substansial oleh tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali apabila cukai berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan mereka menjalankan tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai, kecuali: -

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan permulaan muhibah atau aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan

- berkenaan dengan perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di mana masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan kemungkinan perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa depan yang dijangka.

Jumlah dibawa bagi aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan setakat yang tidak lagi mungkin bahawa keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf setakat mana kemungkinan keuntungan boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai pada tahun apabila aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian diiktiraf di luar untung atau rugi. Item cukai tertunda diiktiraf dalam hubungan dengan urusan niaga yang mendasari sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada gabungan perniagaan diselaraskan terhadap muhibah atas pemerolehan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengasingkan aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti kena cukai yang sama dan pihak berkuasa percukaian yang sama.

(e) Modal saham dan perbelanjaan terbitan saham

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan kepentingan nilai sisa dalam aset Syarikat selepas ditolak semua tanggungannya. Saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa dicatatkan pada hasil yang diterima, tanpa kos urusan niaga kenaikan harga secara langsung. Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

(f) Pihak berkaitan

Pihak dianggap mempunyai kaitan dengan Syarikat jika Syarikat mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak atau menggunakan pengaruh yang ketara ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Syarikat dan pihak tertakluk kepada kawalan bersama atau pengaruh penting bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Kakitangan pengurusan utama ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN**(a) Penilaian**

Penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses penggunaan dasar-dasar perakaunan dan yang mempunyai kesan yang paling ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Tidak ada andaian utama mengenai masa depan, dan tidak ada lain-lain sumber ketidakpastian estimasi utama pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan penyesuaian material kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan yang akan datang.

5. MODAL SAHAM

	2025		2024	
	Bilangan saham Unit	RM	Bilangan saham Unit	RM
Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya				
Pada awal tahun/akhir tahun	<u>2</u>	<u>2</u>	<u>2</u>	<u>2</u>

Saham biasa Syarikat tidak mempunyai nilai nominal. Pemegang saham diberikan hak untuk menerima dividen sekiranya diisytiharkan oleh Syarikat. Setiap unit saham biasa memberikan pemegang saham hak untuk mengundi dalam mesyuarat tanpa halangan.

6. PELBAGAI PEMIUTANG

	2025 <u>RM</u>	2024 <u>RM</u>
Akruan	<u>1,766</u>	<u>1,550</u>

7. JUMLAH TERHUTANG KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan tidak dikenakan sebarang keuntungan, tidak bercagar dan dibayar balik atas permintaan.

8. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PERBADANAN INDUK UTAMA

Perbadanan induk utama adalah Koperasi Shamelin Berhad, sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.

Jumlah terhutang kepada perbadanan induk ini tidak dikenakan sebarang keuntungan, tidak bercagar dan dibayar balik atas permintaan.

9. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

Perkara-perkara berikut telah dicaj bagi mendapatkan kerugian sebelum cukai :-

	2025 RM	2024 RM
Yuran juruaudit	<u>500</u>	<u>500</u>

10. CUKAI

Tiada peruntukan cukai telah dibuat kerana Syarikat tidak mempunyai keuntungan bercukai.

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan cukai atas kerugian daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
Kerugian sebelum cukai	<u>(4,126)</u>	<u>(4,310)</u>
Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia 24%	(990)	(1,034)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	<u>990</u>	<u>1,034</u>
Cukai tahun semasa	<u>-</u>	<u>-</u>

11. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Instrumen kewangan

	2025 RM	2024 RM
ASET		
Aset kewangan dinilai pada kos dilunaskan		
Wang di tangan	<u>2</u>	<u>2</u>

LIABILITI**Liabiliti kewangan dinilai pada kos dilunaskan**

Pelbagai pemiutang	1,766	1,550
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	4	4
Jumlah terhutang kepada perbadanan induk	<u>57,852</u>	<u>53,942</u>
	<u>59,622</u>	<u>55,496</u>

(b) Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggar nilai saksama

Jumlah dibawa bagi liabiliti kewangan, seperti lain-lain pemiutang, adalah anggaran munasabah nilai saksama, sama ada disebabkan sifat jangka pendek mereka atau bahawa mereka adalah instrumen kadar terapung yang dijual semula kepada kadar faedah pasaran pada atau hampir akhir tempoh pelaporan.

12. PIHAK BERKAITAN

(a) *Identiti pihak berkaitan*

Pihak dianggap mempunyai kaitan dengan Syarikat jika Syarikat dan pihak tersebut mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau bersama-sama mengawal sesuatu pihak tersebut atau menggunakan pengaruh yang ketara ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan Syarikat termasuk:

- (i) Perbadanan induk;
- (ii) Entiti di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar; dan
- (iii) Kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada Syarikat. Kakitangan pengurusan utama merangkumi semua Pengarah Syarikat dan ahli pengurusan kanan Syarikat tertentu.

(b) *Transaksi pihak berkaitan yang penting*

Sebagai tambahan kepada maklumat pihak berkaitan yang didedahkan di bahagian lain dalam penyata kewangan, urus niaga penting antara Syarikat dan pihak di mana Pengarah Syarikat mempunyai kepentingan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	2025 RM	2024 RM
Perbadanan induk:		
- Pendahuluan	<u>3,910</u>	<u>4,921</u>

(c) *Pampasan kakitangan pengurusan utama*

Syarikat tidak mempunyai anggota kakitangan pengurusan lain selain daripada Lembaga Pengarah. Tiada Pengarah menerima sebarang imbuhan lain daripada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

**PENYATA TERPERINCI PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN	-	-
TOLAK : PERBELANJAAN AM		
Alatulis dan percetakan	466	421
Yuran juruaudit	500	500
Yuran kesetiausahaan	2,110	2,510
Yuran perundingan cukai	1,050	850
	4,126	4,310
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(4,126)	(4,310)

KSB SELENGGARA SDN. BHD.
No. Pendaftaran: 199501032298 (361504-M)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said

SETIAUSAHA SYARIKAT
Azizam bin Azizan
(MACS01931/SSM PC No. 201908000123)

ALAMAT BERDAFTAR DAN PERNIAGAAN
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT BEBAS
A. Razak & Co. PLT
(LLP0042238-LCA & AF 0842)
Chartered Accountants
B3-08, Block B, Plaza Dwtasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur

BANK
RHB Bank Berhad

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2025.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan utama Syarikat di sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan.

KEPUTUSAN KEWANGAN**RM**

Kerugian komprehensif tahun semasa

(19,117)

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan penting kepada atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan sejak tahun kewangan yang lepas dan para Pengarah tidak mencadangkan dividen untuk tahun kewangan semasa.

LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas dan tarikh laporan kewangan semasa ialah:-

Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
Ir. Haji Ahmad Shahidan bin Said

GANJARAN PENGARAH

Tiada Pengarah atau pengarah terdahulu Syarikat telah menerima apa-apa saraan atau apa-apa faedah daripada Syarikat sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 17 dalam penyata kewangan.

Tiada pembayaran yang telah dibuat atau akan dibuat kepada pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pengarah atau pengarah terdahulu kepada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada Pengarah telah menerima atau layak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan) berikutan daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang Pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat yang Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan melibatkan Syarikat, yang bertujuan atau mempunyai tujuan untuk membolehkan para Pengarah Syarikat mendapat faedah secara memperoleh saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham Pengarah, tiada seorang pun daripada para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan dalam bentuk saham biasa Syarikat.

TERBITAN MODAL SAHAM DAN DEBENTUR

Tiada sebarang saham atau debentur diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

PEMBERIAN OPSYEN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN

Sepanjang tahun ini, tiada opsiyen telah diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan.

Tiada saham telah diterbitkan dalam tahun kewangan oleh sebab pelaksanaan sebarang opsiyen untuk mengambil saham-saham Syarikat yang tidak diterbitkan. Pada penghujung akhir tahun kewangan, tidak ada saham Syarikat tidak diterbitkan di bawah opsiyen.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah sewajarnya :

- (i) bagi memastikan tindakan sewajarnya telah diambil untuk menghapus hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (ii) bagi memastikan aset semasa yang tidak mungkin mencapai nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod perakaunan urusniaga biasa, telah diturunkan nilainya ke paras dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan :-

- (i) jumlah hutang lapuk yang dihapus atau jumlah peruntukan hutang ragu tidak mencukupi;
- (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan;
- (iii) perubahan dalam kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Syarikat yang mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan mengelirukan atau tidak munasabah; atau
- (iv) ianya tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan mengelirukan atau tidak munasabah.

Pada tarikh laporan ini, tidak ada: -

- (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan dan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan.

Pada pandangan para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, tiada perkara, transaksi atau peristiwa luar biasa yang berlaku di antara tempoh akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2025.

TANGGUNGAN KERUGIAN OLEH PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar, semasa atau sejak akhir tahun kewangan, untuk mana-mana orang yang telah atau pernah menjadi Pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat.

PERBADANAN INDUK UTAMA

Koperasi induk utama adalah KOPERASI SHAMELIN BERHAD, sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.

GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit sebagai imbuhan untuk perkhidmatan mereka sebagai juruaudit dinyatakan dalam Nota 17 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT BEBAS

Juruaudit bebas, Tetuan A. Razak & Co. PLT, telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM
Pengarah



IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID
Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh: 30 APRIL 2026

**PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016**

Pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 124 hingga 140 telah disediakan sejajar dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (Malaysian Private Entity Reporting Standards) serta peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2025 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM
Pengarah



IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID
Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh: 30 APRIL 2026

**AKUAN BERKANUN
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(1)(b) AKTA SYARIKAT 2016**

Saya, IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID, pengarah yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan KSB SELENGGARA SDN. BHD. dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 124 hingga 140 pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID, di Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan pada 30 APRIL 2026.



IR. HAJI AHMAD SHAHIDAN BIN SAID
Pengarah



22A, LORONG ARA KIRI 2,
LUCKY GARDEN,
BANGSAR, 59100
KUALA LUMPUR

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur



B3-08, Block B, Plaza Dwitasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KSB SELENGGARA SDN. BHD.

No. Pendaftaran: 199501032298 (361504-M)
(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Terhadap Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KSB SELENGGARA SDN. BHD. yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2025, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 124 hingga 140.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2025 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan di bawah perenggan *Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan* laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Syarikat menurut peruntukan *Undang-undang Kecil (Etika Profesional, Perilaku dan Amalan)* oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan *Kod Etika Akauntan Profesional* oleh Lembaga Piawaian Etika Akauntan Antarabangsa (*termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa*) ("Kod IESBA") dan kami mematuhi etika tanggungjawab kami berdasarkan By-Laws dan kod IESBA tersebut.

Laporan-laporan Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas laporan lain. Laporan-laporan lain termasuk Laporan Para Pengarah tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Syarikat dan ini tidak termasuk Laporan Para Pengarah dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Syarikat, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Para Pengarah dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Para Pengarah, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Para Pengarah Ke Atas Audit Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah bertanggungjawab menilai kemampuan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para Pengarah berniat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit Ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara kewangan secara profesional. Kami juga :-

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Syarikat, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Syarikat.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.

- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para Pengarah untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Syarikat meneruskan perniagaannya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Syarikat dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Syarikat menghentikan operasi perniagaannya.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasil persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Perkara-perkara lain

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah



ABD RAZAK BIN HJ. NAZAH DIN
No. 01522/03/2028 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh : 30 APRIL 2026

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2025**

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ASET			
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	5	1	1
Aset-Aset Semasa			
Penghutang perdagangan	6	217,928	224,390
Pelbagai penghutang	7	7,832	39,532
Jumlah terhutang oleh perbadanan induk utama	8	12,081	688
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	9	5,000	5,000
Aset cukai semasa		38,957	32,757
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	10	786,179	769,494
Wang di tangan dan di bank		346,315	357,150
		1,414,292	1,429,011
JUMLAH ASET		1,414,293	1,429,012
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	11	10,000	10,000
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan	12	274,703	328,214
Keuntungan terkumpul	13	233,682	252,799
Ekuiti pemegang saham		518,385	591,013
Liabiliti-liabiliti Semasa			
Pemiutang perniagaan	14	16,635	16,635
Pelbagai pemiutang	15	766,251	708,342
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	9	113,022	113,022
JUMLAH LIABILITI		895,908	837,999
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		1,414,293	1,429,012

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	NOTA	2025 RM	2024 RM
Hasil kendalian	16	160,800	160,800
Lain-lain pendapatan		203,754	215,540
Perbelanjaan operasi		(383,361)	(371,335)
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	17	(18,807)	5,005
Cukai	18	(310)	(733)
(Kerugian)/Keuntungan komprehensif tahun semasa		(19,117)	4,272

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Modal Saham RM	Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan RM	Keuntungan Terkumpul RM	Ekuiti Pemegang Saham RM
Pada 1 Januari 2024	10,000	464,375	248,527	722,902
Kurangan tahun semasa	-	(136,161)	-	(136,161)
Keuntungan komprehensif tahun semasa	-	-	4,272	4,272
Pada 31 Disember 2024	10,000	328,214	252,799	591,013
Kurangan tahun semasa	-	(53,511)	-	(53,511)
Kerugian komprehensif tahun semasa	-	-	(19,117)	(19,117)
Pada 31 Disember 2025	10,000	274,703	233,682	518,385

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(18,807)	5,005
Pelarasan ke atas:		
Pendapatan keuntungan atas simpanan tetap	(21,004)	(22,780)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>(39,811)</u>	<u>(17,775)</u>
Pengurangan/(Penambahan) dalam penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang	38,162	(75,213)
(Penambahan)/Pengurangan dalam jumlah terhutang oleh perbadanan induk utama	(11,393)	4,302
Penambahan dalam pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang	57,909	41,834
Pengurangan kumpulan wang selenggaraan bangunan	<u>(53,511)</u>	<u>(136,161)</u>
Tunai digunakan aktiviti operasi	(8,644)	(183,013)
Bayaran cukai	(6,510)	(20,000)
Pengembalian cukai terlebih bayar	-	13,702
Aliran tunai bersih digunakan dari aktiviti operasi	<u>(15,154)</u>	<u>(189,311)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah diterima	21,004	22,780
Pengeluaran simpanan tetap	-	93,730
Bayaran balik deposit simpanan tetap	(16,685)	-
Aliran tunai bersih diperolehi dari aktiviti pelaburan	<u>4,319</u>	<u>116,510</u>
PENGURANGAN BERSIH DI DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	(10,835)	(72,801)
TUNAI DAN SETARA TUNAI DI AWAL TAHUN	357,150	429,951
TUNAI DAN SETARA TUNAI DI AKHIR TAHUN	<u>346,315</u>	<u>357,150</u>
<u>Tunai dan persamaan tunai terdiri daripada:</u>		
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	786,179	769,494
Tunai wang di bank dan di tangan	<u>346,315</u>	<u>357,150</u>
	1,132,494	1,126,644
Tolak: Simpanan tetap dengan tempoh matang melebihi 3 bulan	<u>(786,179)</u>	<u>(769,494)</u>
	<u>346,315</u>	<u>357,150</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia.

Alamat berdaftar dan alamat perniagaan syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan utama Syarikat di sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan.

Koperasi induk utama adalah KOPERASI SHAMELIN BERHAD, sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diisu oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Resolusi Pengarah pada 30 APRIL 2026.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

(b) Asas perakaunan

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

(c) Penggunaan andaian dan penilaian

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian akan dipinda secara berterusan. Pindaan ke atas anggaran perakaunan diambil kira dalam tempoh di mana anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

(a) Instrumen kewangan

Pengiktirafan awal dan pengukuran

